MANISNYA IMAN مانيسڽ ايمان

"DAN sesungguhnya Allah telah menolong kamu (dengan memberikan kemenangan) dalam Peperangan Badar, sedangkan kamu (pada waktu itu) berkeadaan lemah (kerana bilangan kamu sedikit dan kurang senjata). Oleh itu bertakwalah kepada Allah supaya kamu mensyukuri (segala nikmat-Nya)".
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam terjemahan makna ayat Surah Ali 'Imran, ayat 123.

ڤليتا بروني
PELITA BRUNEI 70 TAHUN 1956-2026
*Membudayakan Masyarakat Bermaklumat*

WAKTU SEMBAHYANG | IMSAK 4.33 | SUBUH 4.43 | SYURUK 6.06 | DUHA 6.30 | ZUHUR 12.18 | ASAR 3.43 | MAGHRIB 6.29 | ISYAK 7.43 | Daerah Belait ditambah 3 minit, Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 71 BILANGAN 63 | 27 MEI 2026 / 1447 ذوالحجة 9 | JABATAN PENERANGAN | EDISI RABU / PERCUMA

# KHEU RAI 276 PENERIMA PINGAT KERJA LAMA

**YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama menyampaikan pingat kepada para penerima.**



**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Awang Haji Sulaiman**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.**

**GADONG**, Selasa, 26 Mei. - Seramai 276 pegawai dan kakitangan dari jabatan-jabatan serta tenaga pengajar institusi-institusi pendidikan di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), terdiri daripada 104 lelaki dan 172 perempuan menerima Pingat-pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam Pingat Kerja Lama (P.K.L) sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 Tahun bagi Tahun 2025.

Hadir menyempurnakan Majlis Penyampaian Pengurniaan Pingat-pingat Kehormatan tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman berlangsung di Songket Ballroom, Tingkat 4, Rizqun International Hotel, Gadong, hari ini.

Pengurniaan P.K.L ini merupakan satu pengiktirafan dan penghargaan daripada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kepada para pegawai dan kakitangan yang telah menunjukkan dedikasi serta komitmen tinggi dan kesetiaan sepanjang tempoh perkhidmatan mereka.

>> Muka 3

# Buku Iklim Brunei Darussalam dilancarkan

**Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 25 Mei. - Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam (BDMD), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) mengadakan Majlis Pelancaran Buku Iklim Brunei Darussalam sempena Sambutan Hari Kajicuaca Sedunia 2026 berlangsung di Dewan Amar Pahlawan, Bangunan MTIC, pagi tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Imam Masjid Sufri Bolkiah Perpindahan Berakas, Awang Mohammad Aisamuddin@Aliomar bin Alias, diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Pemangku Pengarah Kajicuaca, Dayang Rokiah binti Haji Angas selaku Pengerusi Majlis.

>> Muka 4

# Pendigitalan, inovasi pacu pertumbuhan inklusif Asia-Pasifik

**Siaran Akhbar : Kementerian Kewangan dan Ekonomi**

**SUZHOU, REPUBLIK RAKYAT CHINA**, Isnin, 25 Mei. - Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah telah menghadiri Mesyuarat Menteri-menteri Perdagangan APEC (MRT) yang berlangsung pada 22 hingga 23 Mei 2026 di Suzhou, Republik Rakyat China.

Mesyuarat tersebut didahului dengan beberapa mesyuarat sektoral APEC termasuk Mesyuarat Kedua Pegawai Kanan APEC dan Forum Wanita dan Ekonomi APEC.

Mesyuarat APEC MRT tersebut dipengerusikan oleh Menteri Perdagangan dan Setiausaha Kumpulan Kepimpinan CPC di Kementerian Perdagangan Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Wang Wentao dan dihadiri oleh Menteri-menteri Perdagangan dan Ekonomi lain serta wakil-wakil daripada Ekonomi APEC.

>> Muka 4

# Usaha berterusan memperkukuhkan tindakan iklim, pemuliharaan hutan

**Oleh : Marlinawaty Hussin**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 26 Mei. - Potensi karbon hutan Negara Brunei Darussalam (NBD) serta peluang untuk memperkembangkan pendekatan karbon hutan di peringkat bidang kuasa berintegriti tinggi menjadi tumpuan utama dalam Dialog mengenai Potensi Karbon Hutan Brunei 2026.

Dialog yang dianjurkan oleh Suruhanjaya Tinggi British ke NBD dengan kerjasama Pengurusan Sumber-sumber Alam Sekitar (ERM) tersebut diadakan di Dewan An-Naura, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, di sini.

Menghimpunkan wakil kerajaan, industri, rakan pembangunan serta pihak berkepentingan utama, dialog tersebut turut membincangkan hasil kajian mengenai syarat pemudah cara bagi inisiatif karbon hutan di NBD.

>> Muka 5

IKUTI KAMI DI MEDIA SOSIAL & LAMAN SESAWANG
PELITA BRUNEI
Pelita Brunei | www.pelitabrunei.gov.bn

## Berita Utama



SUDUT Buku India dilancarkan di Perpustakaan UNISSA Muka 6



MEMPERKUKUHKAN jaringan kerjasama peringkat antarabangsa Muka 7




IMBANGAN perdagangan catat lebihan BND597.0 juta Muka 18




HADIRNYA Aidiladha membawa seribu rahmat Muka 20

# NBD ambil langkah proaktif perkukuh pengesanan awal penyakit buah pinggang

**Bismillahir Rahmanir Rahim, Alhamdulillah Rabbil 'Alameen, Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala Asyarafil Anbiya'e Wal Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Selamat Pagi**

**ALHAMDULILLAH**, saya berbesar hati dapat menyertai awda semua pada hari ini di Simposium Renal yang dianjurkan oleh Jabatan Perkhidmatan Renal, Kementerian Kesihatan. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada pasukan penganjur untuk simposium ini, yang merupakan inisiatif penting ke arah memperkukuhkan penjagaan buah pinggang di seluruh sistem penjagaan kesihatan kita untuk meningkatkan lagi hasil penduduk kita.

Sempena Hari Buah Pinggang Sedunia 2026, bertemakan 'Kesihatan Buah Pinggang Untuk Semua, Menjaga Manusia, Melindungi Planet', kita diingatkan bahawa kekuatan sistem penjagaan kesihatan kita bukanlah terletak pada bahagian-bahagiannya yang berasingan, tetapi sejauh mana bahagian-bahagian tersebut berfungsi bersama.

Penyakit buah pinggang kronik merupakan cabaran global yang semakin meningkat, menjejaskan kira-kira satu daripada 10 orang di seluruh dunia. Di Negara Brunei Darussalam (NBD), beban ini terus meningkat. Sehingga 2025, dianggarkan 9.3 peratus daripada penduduk kita (42,000 orang daripada 458,600) hidup dengan penyakit buah pinggang kronik. Pada tahun yang sama, 1,163 individu menerima rawatan untuk penyakit buah pinggang peringkat akhir, mencerminkan peningkatan berterusan dari tahun ke tahun. Ini bukan sahaja cabaran klinikal ia adalah cabaran sistem, kewangan dan kemampanan.

Di bawah Pelan Induk untuk Sistem Kesihatan dan Infrastruktur Penjagaan Kesihatan, perbelanjaan Kementerian Kesihatan diunjurkan sepanjang tempoh 2015 hingga 2035 meningkat sebanyak 10 peratus menjelang 2025 dan 25 peratus menjelang 2035. Walau bagaimanapun, perbelanjaan penjagaan buah pinggang telah pun melebihi unjuran ini, meningkat daripada BND9.7 juta pada tahun 2020 kepada sehingga BND17.0 juta pada tahun 2025, mewakili peningkatan keseluruhan kira-kira 75 peratus atau 7.5 kali lebih tinggi daripada unjuran 10 peratus. Ini tidak termasuk ubat-ubatan buah pinggang, yang melebihi BND7 juta setiap tahun serta kos berkaitan pemindahan berasingan yang ditanggung di dalam dan luar negara, menunjukkan beban kewangan yang jauh lebih tinggi dan semakin meningkat.

Pengurusan penyakit buah pinggang peringkat akhir, terutamanya dialisis, memerlukan pelaburan negara yang besar dan berterusan. Berdasarkan anggaran kos 2021 untuk bahan guna habis dan penyampaian rawatan, purata kos tahunan hemodialisis di NBD adalah kira-kira BND30,000 setiap pesakit, manakala dialisis peritoneal automatik adalah sekitar BND24,000 setiap pesakit. Kos ini tidak lagi statik. Dalam persekitaran semasa, ia dijangka meningkat dengan ketara disebabkan oleh tekanan global, termasuk gangguan rantaian bekalan dan kenaikan harga bahan guna habis perubatan. Trajektori menaik ini dijangka berterusan, meletakkan permintaan yang berterusan dan semakin meningkat terhadap sumber negara dari semasa ke semasa.

Di luar tuntutan kewangan, penyakit buah pinggang peringkat akhir mempunyai kesan yang meluas pada pelbagai peringkat.

Bagi pesakit, dialisis bukan sekadar menyokong kelangsungan hidup, ia juga mengubah hidup. Jadual rawatan adalah intensif dan sepanjang hayat, selalunya menjejaskan kesejahteraan fizikal, kesihatan emosi dan kualiti hidup secara keseluruhan.

Bagi keluarga, beban tersebut melangkaui penjagaan. Ia termasuk tekanan emosi, komitmen masa dan penyesuaian kepada kehidupan seharian, yang selalunya menjejaskan kestabilan dan kesejahteraan keluarga.

Dari perspektif sosioekonomi, ramai pesakit mengalami penurunan produktiviti atau tidak dapat kekal dalam tenaga kerja. Ini boleh menyebabkan kehilangan pendapatan dan peningkatan kebergantungan, dengan implikasi yang lebih luas terhadap produktiviti negara dan penyertaan ekonomi.

Secara keseluruhannya, kesan penyakit buah pinggang peringkat akhir jauh melangkaui penjagaan kesihatan ia menjejaskan mata pencarian, keluarga dan komuniti yang lebih luas.

Pada masa yang sama, dasar penjagaan kesihatan yang berkembang telah memperkenalkan pertimbangan baharu. Telah diperhatikan bahawa sesetengah pesakit bukan warganegara telah memilih untuk tidak meneruskan rawatan dialisis jangka panjang. Ini mengetengahkan cabaran kompleks yang berkaitan dengan akses, kemampuan dan realiti penjagaan sepanjang hayat. Ia juga mencerminkan keputusan sukar yang dihadapi oleh pesakit dan keluarga. Situasi ini menimbulkan pertimbangan penting mengenai ekuiti, kualiti hidup, dan bagaimana model penjagaan semasa yang mampan dalam memenuhi keperluan pesakit yang pelbagai.



**MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar berucap pada Majlis Perasmian Simposium Renal 2026 sempena Hari Buah Pinggang Sedunia pada Ahad, 3 Mei 2026 yang berlangsung di Cesar Grand Hall Level 8, Mulia Hotel, Kampung Anggerek Desa.**

**Terjemahan dari teks asal dalam bahasa Inggeris oleh : Haji Mirazman Haji Othman**

>> Muka 3

## WAKTU SEMBAHYANG

| MEI MASIHI | HARI | ZULHIJAH HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 27 | RABU | 9 | 4.33 | 4.43 | 6.06 | 6.30 | 12.18 | 3.43 | 6.29 | 7.43 |
| 28 | KHAMIS | 10 | 4.33 | 4.43 | 6.06 | 6.30 | 12.19 | 3.43 | 6.29 | 7.44 |
| 29 | JUMAAT | 11 | 4.33 | 4.43 | 6.06 | 6.30 | 12.19 | 3.43 | 6.29 | 7.44 |
| 30 | SABTU | 12 | 4.33 | 4.43 | 6.06 | 6.30 | 12.19 | 3.43 | 6.29 | 7.44 |
| 31 | AHAD | 13 | 4.33 | 4.43 | 6.06 | 6.30 | 12.19 | 3.44 | 6.29 | 7.44 |
| 1 JUN | ISNIN | 14 | 4.32 | 4.42 | 6.06 | 6.30 | 12.19 | 3.44 | 6.30 | 7.45 |
| 2 | SELASA | 15 | 4.33 | 4.43 | 6.07 | 6.31 | 12.19 | 3.44 | 6.30 | 7.45 |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

| | RABU | KHAMIS | JUMAAT |
|---|---|---|---|
| Bandar Seri Begawan | 31 25 °C | 31 25 °C | 33 25 °C |
| Pekan Bangar | 31 25 °C | 31 25 °C | 32 25 °C |
| Pekan Tutong | 31 25 °C | 31 25 °C | 32 25 °C |
| Kuala Belait | 31 26 °C | 31 25 °C | 33 25 °C |

Wallahualam Bissawab www.met.gov.bn
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## SIDANG PENGARANG 27 MEI 2026

### Aidiladha : Simbol kesabaran, ketaatan

**HARI** Raya Aidiladha membawa makna besar kepada umat Islam untuk dihayati serta dilestarikan dalam kehidupan seharian. Antara amalan yang disyariatkan adalah ibadah korban selaras dengan firman Allah dalam Surah Al-Haj, ayat 32 yang bermaksud : "*Demikianlah (ajaran Allah); dan sesiapa yang menghormati syiar-syiar ugama Allah maka (dia lah orang yang bertakwa) kerana sesungguhnya perbuatan itu satu kesan dari sifat-sifat takwa hati orang mukmin*".

Kehadiran bulan Zulhijah bukan sekadar pengenalan kepada ibadah korban atau Hari Raya Aidiladha tetapi ia peluang sangat bernilai untuk mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan amal soleh yang berlipat ganda pahalanya.

10 hari terawal bulan Zulhijah terkumpul pelbagai ibadah utama dalam Islam seperti sembahyang, puasa, haji, korban, takbir, doa dan berzikir. Ia menjadi mercu tanda keistimewaan yang dianugerahkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala untuk meningkatkan lagi ibadah, menyucikan diri serta membina kekuatan spiritual dan sosial.

Antara amalan paling utama yang sangat dianjurkan dalam 10 hari pertama ini ialah berpuasa, terutama pada 9 Zulhijjah yang dikenali sebagai Hari Arafah. Bagi mereka yang tidak menunaikan haji, puasa pada Hari Arafah memberikan peluang untuk mendapat keampunan dosa selama dua tahun iaitu setahun yang lalu dan yang akan datang.

Salah satu ibadah paling bermakna dalam bulan ini ialah ibadah korban. Ibadah ini tidak hanya menggambarkan penyembelihan haiwan semata-mata, tetapi simbol ketaatan dan kepatuhan yang tinggi kepada Allah Subhanahu Wata'ala, sebagaimana ditunjukkan dalam kisah pengorbanan Nabi Ibrahim Alaihissalam dan anaknya, Nabi Ismail Alaihissalam. Allah berfirman yang bermaksud : "*Maka dirikanlah sembahyang kerana Tuhanmu dan berkorbanlah*". (Surah al-Kauthar, ayat 2).

Korban menjadi lambang keikhlasan dan pengorbanan yang harus sentiasa hidup dalam jiwa Muslim. Ia juga mencerminkan kasih sayang sesama manusia apabila daging korban diagihkan kepada keluarga, jiran tetangga dan golongan fakir miskin.

Kemuncak keagungan 10 hari pertama Zulhijah ialah pada 9 Zulhijah iaitu Hari Arafah. Ia adalah hari paling penting dalam ibadah haji kerana jemaah akan berhimpun di Padang Arafah untuk berwukuf iaitu rukun haji paling utama. Bagi yang tidak menunaikan haji, hari ini tetap menjadi hari yang besar kerana kelebihan berdoa padanya sangat luas.

Selepas berlalu Hari Raya Aidiladha pada 10 Zulhijah, datang pula tiga hari yang dikenali sebagai Hari Tasyrik iaitu 11, 12 dan 13 Zulhijah. Hari-hari ini adalah masa untuk menyempurnakan penyembelihan korban, bertakbir selepas sembahyang serta meraikan nikmat kurniaan Allah dengan penuh kesyukuran.

Ia adalah hari untuk menyebarkan kegembiraan dan mengeratkan silaturahim sesama Muslim. Umat Islam digalakkan memperbanyakkan takbir *muqayyad* dan mempererat hubungan kekeluargaan dan kemasyarakatan.

Justeru, Hari Raya Aidiladha sangat istimewa kerana ia berkait rapat dengan kemuncak ibadah haji di Tanah Suci dan ibadah korban. Ia menjadi simbol utama kepada kesabaran, ketaatan dan nilai pengorbanan yang tinggi kepada Allah Subhanahu Wata'ala. **- Ketua Penyuntingan (Zk)**

# KHEU rai 276 penerima Pingat Kerja Lama



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama bergambar ramai bersama para penerima pingat pada Majlis Penyampaian Pengurniaan Pingat-pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam Pingat Kerja Lama (P.K.L).

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Awang Haji Sulaiman**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**

>> Muka 1

Di samping itu, pengurniaan tersebut dihasrat dapat menjadi pendorong dan penyuntik semangat kepada seluruh warga KHEU untuk terus meningkatkan mutu perkhidmatan serta produktiviti kerja ke arah yang lebih cemerlang.

Dalam temu bual bersama Guru Ugama di Sekolah Rendah Binutan, Dayang Hajah Naimah binti Haji Maidin, 58 tahun, selaku penerima P.K.L melahirkan rasa syukur dan terima kasih kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia atas pengurniaan pingat berkenaan. Menurut beliau, pengiktirafan ini merupakan satu penghormatan besar kepada beliau setelah berkhidmat sepanjang 38 tahun.

“Penjawat awam yang masih lagi menanai tanggungjawab dalam perkhidmatan perlu meneruskan usaha untuk menyampaikan khidmat dengan telus dan amanah, dan sentiasa memberi kerjasama dalam menjayakan sesuatu gerak kerja yang seterusnya akan mewujudkan suasana kerja yang harmoni dan positif,” jelasnya.



Manakala Pembantu Pejabat di Jabatan Perundangan Islam, KHEU, Awang Haji Mohd. Faisal bin Haji Marsidi, yang telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah DYMM sejak tahun 1998 turut merafakkan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata’ala serta Kerajaan Kebawah DYMM khususnya KHEU atas pengurniaan pingat berkenaan.

“Nasihat saya semestinya *kitani* hendaklah jujur lagi amanah, berdisiplin dan penuh bertanggungjawab. Yang penting *kitani* hendaklah ikhlas dalam menanai tugas yang diberikan kepada *kitani*,” tambahnya.



**GURU Ugama di Sekolah Rendah Binutan, Dayang Hajah Naimah binti Haji Maidin (atas) dan Pembantu Pejabat di Jabatan Perundangan Islam, KHEU, Awang Haji Mohd. Faisal bin Haji Marsidi (kiri) ditemu bual.**

Antara kriteria penerima P.K.L ialah telah berkhidmat selama genap 20 tahun, mempunyai rekod perkhidmatan yang baik; memiliki keperibadian terpuji serta memperoleh penilaian prestasi pada tahap sangat baik sepanjang tiga tahun kebelakangan.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Pemangku Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei, Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sellahhuddin; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan) KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) KHEU, Awang Misle bin Haji Abdul Karim.

Hadir sama ialah pengarah-pengarah dan para pegawai kanan di bawah KHEU. Majlis berkenaan dikendalikan oleh Bahagian Dasar dan Strategik dengan kerjasama Jabatan Pentadbiran, KHEU.




## HALUAN

>> Muka 2

Selaras dengan itu, usaha sedang dijalankan untuk menubuhkan Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan bagi menyokong lagi perkhidmatan penjagaan buah pinggang di NBD yang mewakili langkah penting ke hadapan. Pada peringkat pembangunan ini, skop sokongan yang disediakan oleh yayasan akan dipandu oleh parameter kelayakan yang jelas dan sumber yang tersedia, dan tidak semua pesakit mungkin dilindungi sepenuhnya. Ini menekankan kepentingan kerjasama berterusan dan tanggungjawab bersama. Diharapkan, dari semasa ke semasa, sokongan tambahan dapat diperkukuhkan melalui perkongsian dengan organisasi lain dan inisiatif berasaskan komuniti supaya lebih ramai pesakit dapat disokong merentasi pelbagai keperluan.

Semua realiti ini mengukuhkan mesej kritikal, kita tidak boleh bergantung kepada rawatan sahaja. Jika kita ingin bertindak balas dengan berkesan, kita mesti bergerak ke hadapan.

Ini membawa kita kepada tujuan simposium hari ini.

Tujuan simposium ini adalah untuk memperkukuh kapasiti penjagaan primer dalam pengesanan awal dan pengurusan penyakit buah pinggang kronik. Penjagaan primer kekal sebagai titik intervensi pertama dan paling kritikal. Tindakan awal boleh memperlahankan perkembangan penyakit, mengurangkan komplikasi dan melambatkan keperluan dialisis. Ini secara langsung meningkatkan hasil pesakit dan menyokong kemampanan sistem penjagaan kesihatan kita.

Pakar Perubatan Am memainkan peranan penting dalam usaha ini. Memperkukuhkan sokongan, laluan yang jelas dan kerjasama dengan perkhidmatan pakar akan menjadi kunci. Akhirnya, kejayaan penjagaan buah pinggang bukan sahaja bergantung pada perkhidmatan pakar tetapi pada tindakan awal dalam penjagaan primer. Seperti yang kita semua tahu, penyakit buah pinggang berkembang secara senyap selama bertahun-tahun. Apabila pesakit hadir dengan penyakit peringkat lanjut, peluang untuk intervensi awal mungkin telah terlepas. Ini mengukuhkan keperluan untuk pendekatan yang diselaraskan dan menyeluruh yang menghubungkan pencegahan, pengesanan awal, rawatan dan pengurusan jangka panjang di semua peringkat penjagaan.

Di NBD, kami kini mengambil langkah yang jelas ke arah ini, dengan penekanan yang lebih besar untuk memperkukuhkan penjagaan primer dan intervensi awal untuk mengurangkan perkembangan kepada penyakit peringkat lanjut.

Pertama, kami akan memperkukuhkan pengesanan awal melalui pendekatan yang diselaraskan di peringkat kebangsaan untuk saringan dan stratifikasi risiko. Individu berisiko tinggi terutamanya mereka yang menghidap diabetes, hipertensi, penyakit kardiovaskular dan warga emas mesti dikenal pasti dan dipantau secara konsisten di seluruh sistem. Untuk menyokong ini, kami akan berusaha ke arah pendaftaran penyakit buah pinggang kronik kebangsaan, yang membolehkan kami menjejaki perkembangan penyakit dengan lebih baik, mengenal pasti jurang dalam penjagaan dan merancang perkhidmatan dengan berkesan.

Kedua, kami akan meningkatkan akses kepada terapi berasaskan bukti yang memperlahankan perkembangan penyakit dan mengurangkan komplikasi. Ini termasuk memastikan ubat-ubatan utama tersedia dan disokong oleh panduan preskripsi kebangsaan yang jelas supaya rawatan dapat dimulakan lebih awal dan dioptimumkan di semua tetapan penjagaan.

Ketiga, kita akan memperkukuhkan integrasi merentasi sistem penjagaan kesihatan melalui laluan penjagaan bersama dan rangka kerja rujukan yang jelas. Pesakit harus mengalami perjalanan yang lancar, dengan tahap penjagaan yang betul diberikan pada masa yang tepat. Penjagaan bersama mesti didefinisikan dengan jelas, dengan garis panduan klinikal yang sejajar dan komunikasi yang kukuh antara penyedia.

Akhirnya, ini adalah tentang bekerja sebagai satu sistem. Tiada sektor tunggal yang dapat menangani cabaran ini secara bersendirian. Penyelarasan yang lebih baik merentasi pencegahan, rawatan dan semua peringkat penjagaan akan menjadi kunci untuk membina sistem yang lebih berkesan dan mampan. Matlamat kami adalah jelas : Sistem penjagaan kesihatan yang terhubung, berpusatkan pesakit dan proaktif sistem yang campur tangan lebih awal, mengurus dengan berkesan dan menyokong pesakit sepanjang perjalanan mereka. Marilah kita maju bersama dengan komitmen bersama untuk mengesan penyakit buah pinggang lebih awal, merawat dengan berkesan dan bekerja dengan lancar merentasi sistem penjagaan kesihatan kita.

*Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

Pelita Brunei

# PENDIGITALAN, INOVASI PACU PERTUMBUHAN INKLUSIF ASIA-PASIFIK

>> Muka 1




**YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II menghadiri Mesyuarat Menteri-menteri Perdagangan APEC (MRT) yang berlangsung pada 22 hingga 23 Mei 2025 di Suzhou, Republik Rakyat China.**

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kewangan dan Ekonomi**

Selaras dengan tema APEC 2026 iaitu 'Membina Komuniti Asia-Pasifik untuk Kemakmuran Bersama', para menteri, antara lain, menegaskan semula komitmen mereka untuk memperkukuhkan daya tahan rantaian bekalan sebagai tindak balas terhadap ketidaktentuan dan gangguan ekonomi global semasa serta sokongan mereka terhadap kerjasama bagi memperbaiki WTO dalam melaksanakan reformasi yang bermakna, dengan mengiktiraf bahawa peraturan yang dipersetujui dalam WTO adalah penting bagi memudahkan perdagangan global.

Para menteri juga menekankan kepentingan pendigitalan dan inovasi dalam mewujudkan peluang serta menggalakkan pertumbuhan inklusif dan mampan di seluruh rantau ini.

Semasa sesi-sesi mesyuarat, Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II telah berkongsi pandangan Negara Brunei Darussalam (NBD) yang menegaskan semula sokongan kukuh terhadap sistem perdagangan pelbagai hala berasaskan peraturan, dengan WTO sebagai terasnya, sambil menekankan kepentingan mengekalkan rantaian bekalan yang terbuka, berdaya tahan dan selamat di tengah-tengah ketidaktentuan geopolitik dan geoekonomi yang berterusan.

Selain itu, Yang Berhormat juga menyatakan mengetengahkan kepentingan memajukan integrasi ekonomi serantau melalui inisiatif Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik seperti Kawasan Perdagangan Bebas Asia-Pasifik (FTAAP), sambil mengiktiraf rangka kerja termasuk Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP), Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik (CPTPP) dan Future for Investment and Trade Partnership sebagai asas penting bagi kerjasama ekonomi masa hadapan.

Seterusnya, menekankan kepentingan memperkukuhkan kesalinghubungan digital, sistem yang saling beroperasi, kastam elektronik, perdagangan tanpa kertas dan infrastruktur digital serta menggariskan kepentingan memanfaatkan inovasi digital dan peluang hijau untuk menggalakkan pertumbuhan mampan, peralihan rendah karbon dan rantaian bekalan yang berdaya tahan.

Berkaitan perkara ini, kerjasama yang lebih kukuh antara kerajaan, perniagaan dan rakan serantau adalah dialu-alukan dalam bidang seperti pemindahan teknologi, pembangunan kemahiran, inovasi dan infrastruktur mampan.

Di samping mesyuarat tersebut, Yang Berhormat telah mengadakan mesyuarat dua hala dengan Menteri Kelestarian dan Alam Sekitar serta Menteri Bertanggungjawab bagi Hubungan Perdagangan Singapura, Tuan Yang Terutama Grace Fu Hai Yien; Menteri Perdagangan dan Pelaburan serta Menteri Pertanian New Zealand, Tuan Yang Terutama Todd McClay dan Timbalan Menteri Luar Negeri Jepun, Tuan Yang Terutama Horii Iwao bagi membincangkan bidang-bidang berkepentingan bersama.

Turut hadir pada mesyuarat tersebut ialah Setiausaha Tetap (Ekonomi, Perdagangan dan Industri) di Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Dr. Dayang Hajah May Fa'ezah binti Haji Ahmad Ariffin serta pegawai-pegawai lain dari Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

# Buku Iklim Brunei Darussalam dilancarkan

**Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani**
**Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Na'il Haris Haji Muhd. Nikman**



>> Muka 1

Acara diteruskan dengan pelancaran Buku Iklim Brunei Darussalam oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, diikuti dengan penyerahan buku kepada wakil-wakil agensi berkepentingan daripada Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan, Kementerian Pendidikan, Jabatan Kerja Raya dan Pejabat Perubahan Iklim Brunei Darussalam.

Buku Iklim Brunei Darussalam menghuraikan corak cuaca dan ciri iklim negara, termasuk variasi musim serta faktor-faktor utama yang mempengaruhi iklim, di samping mengetengahkan trend perubahan iklim yang telah diperhatikan di Negara Brunei Darussalam melalui ilustrasi visual yang ringkas dan mudah difahami.

Buku ini diharap dapat meningkatkan literasi iklim dalam kalangan masyarakat serta menjadi rujukan berguna dalam menyokong perancangan dan proses pembuatan keputusan yang lebih berkesan.

Majlis tersebut turut diselajurkan dengan memperkenalkan Pelan Strategik BDMD baharu bagi tempoh lima tahun, 2026 hingga 2030, yang dikenali sebagai Meteorology 2030.

Pelan strategik berkenaan akan menjadi panduan hala tuju BDMD dalam memperkukuh perkhidmatan meteorologi dan iklim negara secara lebih berdaya tahan, inovatif dan berimpak tinggi, selaras dengan keperluan pembangunan negara serta cabaran perubahan iklim yang semakin dinamik.

Sementara itu, Hari Kajicuaca Sedunia disambut setiap tahun pada 23 Mac bagi memperingati berkuat kuasanya Konvensyen Pertubuhan Kajicuaca Sedunia (WMO) pada tahun 1950.

Hari Kajicuaca Sedunia juga disambut bagi menghargai sumbangan-sumbangan penting yang diberikan oleh Perkhidmatan-perkhidmatan Kajicuaca dan Hidrologi Kebangsaan dalam memastikan keselamatan dan kesejahteraan masyarakat di seluruh dunia.

Pada tahun ini, sambutan berkenaan membawa tema 'Pantau Hari Ini, Lindungi Hari Esok' (Observing Today, Protecting Tomorrow).

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap MTIC, Ir. Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof; Timbalan Setiausaha Tetap (Infokomunikasi) MTIC, Awang Haji Hairul Mohd. Daud bin Haji Abdul Karim; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pengangkutan) MTIC, Dayang Mazriyani binti Haji Abd. Ghani; ketua-ketua eksekutif, ketua-ketua jabatan dan bahagian, pegawai-pegawai kanan serta pegawai-pegawai dan kakitangan MTIC serta jabatan-jabatan, autoriti dan pihak berkuasa di bawahnya.



**YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pelancaran Buku Iklim Brunei Darussalam sempena Sambutan Hari Kajicuaca Sedunia 2026 (atas dan kiri), manakala gambar bawah, Buku Iklim Brunei Darussalam dan Pelan Strategik BDMD baharu yang dikenali sebagai Meteorology 2030.**



# USAHA BERTERUSAN MEMPERKUKUHKAN TINDAKAN IKLIM, PEMULIHARAAN HUTAN






**YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan ucapan (kanan dan atas).**

**Oleh : Marlinawaty Hussin**
**Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas**

>> Muka 1

Hadir selaku tetamu kehormat, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin.

Dalam ucapannya, Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan berkata, dialog berkenaan menandakan satu pencapaian penting dalam usaha berterusan NBD bagi memperkukuhkan tindakan iklim, pemuliharaan hutan dan pembangunan mampan melalui penerokaan peluang pasaran karbon hutan berintegriti tinggi.

"NBD amat bertuah kerana diiktiraf sebagai sebuah negara 'High Forest Cover, Low Deforestation' dengan hutan tropika luas yang terus memberikan manfaat besar dari segi alam sekitar, sosial dan ekonomi.

"Hutan-hutan di negara ini memainkan peranan penting dalam pemuliharaan biodiversiti, daya tahan iklim, kawal selia air dan penyimpanan karbon termasuk dalam ekosistem hutan paya gambut dan bakau," jelas Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat, aset semula jadi tersebut merupakan teras kepada keutamaan pembangunan kebangsaan NBD dan secara langsung menyokong komitmen negara di bawah Dasar Perhutanan Negara Brunei Darussalam, Perjanjian Paris, Dasar Perubahan Iklim Kebangsaan Brunei (BNCCP) serta Wawasan Brunei 2035 khususnya berkaitan kelestarian alam sekitar dan kepelbagaian ekonomi mampan.

Selaras dengan hala tuju dasar negara tersebut, tambah Yang Berhormat, Kerajaan NBD sedang meneroka peluang untuk menyertai mekanisme karbon hutan melalui pendekatan bidang kuasa di bawah rangka kerja Architecture for REDD+ Transactions – The REDD+ Environmental Excellence Standard (ART-TREES) yang dianggap sesuai bagi negara-negara 'High Forest Cover, Low Deforestation' seperti NBD.

"Apa yang penting, kerajaan NBD melihat pembangunan kesiapsiagaan pasaran karbon hutan sebagai sebahagian daripada hala tuju dasar nasional yang lebih luas di bawah strategi perhutanan negara dan pemuliharaan biodiversiti, BNCCP serta Wawasan Brunei 2035.

"Oleh itu, inisiatif ini akan menyokong usaha berterusan ke arah mempertingkatkan pengurusan hutan secara mampan, memperkukuhkan tadbir urus iklim dan memajukan ekonomi yang berdaya tahan serta pelbagai," ujar Yang Berhormat.

Sementara itu, Pemangku Pesuruhjaya Tinggi British ke NBD, Tuan Yang Terutama Ken O'Flaherty, dalam ucapannya berkata, ketika banyak negara sedang berhadapan dengan kesan penebangan hutan dan kehilangan khazanah alam semula jadi, hutan-hutan di NBD dipelihara menerusi pandangan jauh, tadbir urus yang teliti serta komitmen negara terhadap pemeliharaan dan pengurusan alam sekitar.

Katanya, laporan kajian bertajuk 'Enabling Conditions to Implement Forest-Carbon Market in Brunei Darussalam' mengenal pasti langkah-langkah praktikal yang perlu diambil oleh NBD sekiranya negara ini ingin meneruskan penyertaan dalam pasaran karbon bidang kuasa berintegriti tinggi di bawah rangka kerja ART-TREES v2.0.

Proses tersebut, jelasnya, sememangnya bersifat teknikal, namun prinsipnya adalah negara-negara yang telah melindungi hutan mereka dan terus berbuat demikian seharusnya dapat mengakses pembiayaan iklim yang berwibawa secara telus, kukuh dan selaras dengan keutamaan negara.

"Bagi NBD sebagai sebuah negara 'High Forest Cover, Low Deforestation', peluang ini amat relevan," katanya.

Beliau berkata, laporan berkenaan berpotensi membantu menggerakkan pembiayaan bagi usaha pemuliharaan, menyokong kepelbagaian ekonomi secara mampan serta meletakkan negara-negara seperti NBD sebagai peneraju dalam menghargai alam semula jadi sebagai sebahagian daripada masa hadapan rendah karbon.

Acara diteruskan dengan pelancaran rasmi serta majlis penyerahan laporan kajian 'Enabling Conditions to Implement a Forest Carbon Market in Brunei Darussalam' yang disampaikan oleh Tuan Yang Terutama Pemangku Pesuruhjaya Tinggi British ke NBD kepada tetamu kehormat.

Kajian tersebut menggariskan laluan yang jelas dan berasaskan kepentingan negara bagi membolehkan NBD menukarkan rekod kukuh pemuliharaan hutannya kepada manfaat yang diiktiraf dalam bidang iklim, ekonomi dan pembangunan.

Kajian tersebut menunjukkan bagaimana hutan negara mempunyai kedudukan unik sebagai aset strategik bukan sahaja untuk mengekalkan perkhidmatan ekosistem, malah bagi memperkukuhkan daya tahan iklim serta membuka peluang baharu ke arah mencapai ekonomi mampan selaras dengan Wawasan Brunei 2035.

Program turut menampilkan pembentangan dapatan utama laporan, pandangan serta implikasinya terhadap NBD yang disampaikan oleh Charlie Knaggs iaitu rakan kongsi dari ERM yang bertanggungjawab bagi kajian berkenaan.

Pembentangan tersebut menggariskan pertimbangan dan peluang masa hadapan berkaitan pasaran karbon hutan termasuk sumber data dan maklumat yang digunakan dalam kajian berkenaan.

Acara diteruskan dengan sesi perbincangan panel bertajuk 'From National Strategy to International Alignment: Credibility and Integrity in Jurisdictional Forest Carbon', yang menampilkan Ketua Serantau Asia Tenggara bagi Alam Semula Jadi, Biodiversiti dan Lautan di Kedutaan British di Jakarta; Konsultan Utama dari ERM, Hari Priyadi; dan Konsultan Kanan dari ERM, Nadiah Kasmadi sebagai moderator.

Perbincangan tersebut meneroka peranan pendekatan karbon hutan di peringkat bidang kuasa dalam menyokong strategi iklim kebangsaan NBD, aspirasi kepelbagaian ekonomi, peluang pelaburan langsung asing hijau serta matlamat pembangunan mampan jangka panjang di bawah Wawasan Brunei 2035.

Dialog berkenaan diakhiri dengan pengiktirafan bersama mengenai kepentingan penglibatan berterusan antara agensi kerajaan, pakar teknikal, rakan antarabangsa dan sektor swasta bagi meneroka lebih lanjut potensi karbon hutan NBD dalam menyokong pembangunan mampan dan tindakan iklim.

# 58 warga KSSUP dikurniakan Pingat Kerja Lama



**Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan menyampaikan pingat kepada penerima.**

**Oleh : Aimi Sani**
**Foto : Azmah Haji Ahad**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 26 Mei. - Seramai 58 warga Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) telah dikurniakan Pingat Kerja Lama (P.K.L) sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 Tahun bagi Tahun 2025 pada majlis yang berlangsung di Dewan Setia Pahlawan, Bangunan KSSUP, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan pingat kepada para penerima ialah Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin.

Pengurniaan pingat berkenaan merupakan satu pengiktirafan dan penghargaan kepada warga KSSUP atas jasa dan sumbangan yang telah diberikan sepanjang perkhidmatan dan ia juga sebagai penyuntik semangat kepada warga kementerian untuk meningkatkan lagi prestasi kerja serta terus melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan untuk cemerlang.

Turut hadir, Setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan, pegawai dan kakitangan KSSUP serta jabatan-jabatan di bawahnya.



**SEBAHAGIAN yang hadir pada majlis yang berlangsung di Dewan Setia Pahlawan, Bangunan KSSUP.**

# 101 KAKITANGAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN TERIMA PINGAT KERJA LAMA

**Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said**





**YANG Berhormat Menteri Pembangunan semasa menyampaikan pingat kepada penerima dan seterusnya bergambar ramai pada majlis yang berlangsung di Dewan Munawwarah, Setia Point (atas dan bawah).**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 26 Mei. - Seramai 101 orang penerima terdiri daripada pegawai dan kakitangan Kementerian Pembangunan serta jabatan-jabatan di bawahnya menerima Pingat-pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam, Pingat Kerja Lama (P.K.L) sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79.

Majlis pengurniaan pingat-pingat kehormatan tersebut berlangsung di Dewan Munawwarah, Setia Point, pagi tadi dan disempurnakan oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid selaku tetamu kehormat majlis.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Pengiran Muhammad Faizal Akhbar bin Pengiran Salleh.

Pengurniaan pingat berkenaan merupakan tanda penghargaan dan pengiktirafan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kepada pegawai dan kakitangan yang telah berbakti serta berkhidmat lebih 20 tahun dalam Perkhidmatan Awam.

Selain itu, pengurniaan tersebut turut mencerminkan penghormatan terhadap jasa, dedikasi dan komitmen para penerima dalam menyumbang kepada pembangunan serta kemajuan negara.

Sejurus selepas penyampaian pingat-pingat kehormatan, majlis diteruskan dengan penyampaian sijil penghargaan kepada pegawai dan kakitangan Kementerian Pembangunan serta jabatan-jabatan di bawahnya yang bersara pada tahun 2023 dan 2024.

Pada majlis tersebut, Yang Berhormat Menteri Pembangunan turut menyampaikan sijil penghargaan dan cenderahati kepada para pesara yang hadir.

Seramai 174 pegawai dan kakitangan telah bersara pada tahun 2023, manakala 181 lagi bersara pada tahun 2024.

Terdahulu, Timbalan Setiausaha Tetap (Infrastruktur, Perumahan dan Profesional), Kementerian Pembangunan, Awang Haji Shaharuddin Khairul bin Haji Anuar membacakan teks ucapan penghargaan daripada Setiausaha Tetap, Kementerian Pembangunan, Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak khusus kepada para pesara.

Dalam ucapan tersebut, beliau merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih atas curahan bakti serta sumbangan para pesara sepanjang tempoh perkhidmatan mereka.

Majlis berkenaan diadakan sebagai tanda penghormatan dan penghargaan kepada pegawai dan kakitangan Kementerian Pembangunan serta jabatan-jabatan di bawahnya yang telah menabur bakti dengan memberikan masa, tenaga dan khidmat sepanjang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat.

Turut hadir ialah Pemangku Ketua Pengarah Kerja Raya, ketua-ketua jabatan, autoriti, divisyen dan unit di Kementerian Pembangunan serta pegawai dan kakitangan kementerian berkenaan.

# Sudut Buku India dilancarkan di Perpustakaan UNISSA





**UNIVERSITI Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) semasa menerima sumbangan sebanyak 46 buah buku ilmiah dan budaya daripada Kedutaan Republik India sempena pelancaran Sudut Buku India (atas dan kanan).**

**Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah**

**GADONG**, Selasa, 26 Mei. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) menerima sumbangan sebanyak 46 buah buku ilmiah dan budaya daripada Kedutaan Republik India sempena pelancaran Sudut Buku India yang berlangsung di Perpustakaan UNISSA pagi tadi.

Majlis pelancaran telah disempurnakan oleh Pesuruhjaya Tinggi Republik India ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Ramu Abbagani. Turut hadir, Rektor UNISSA, Dato Seri Setia Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal bersama pegawai-pegawai eksekutif dan utama UNISSA, para tenaga akademik serta wakil daripada Kedutaan India.

Pelancaran Sudut Buku India merupakan hasil kerjasama antara Kedutaan India dan UNISSA dalam usaha memperkukuh hubungan kebudayaan dan pendidikan antara Negara Brunei Darussalam dan Republik India.

Inisiatif tersebut bertujuan menyediakan akses kepada bahan bacaan berkualiti yang merangkumi pelbagai bidang ilmu seperti sains dan teknologi, sejarah, sastera serta seni dan kebudayaan India.

Pelancaran sudut buku tersebut turut mencerminkan kesinambungan hubungan erat antara kedua-dua pihak dalam bidang pendidikan dan kebudayaan. Sebelum ini, UNISSA pernah menerima sumbangan sebanyak 38 karya kaligrafi Islam pada tahun 2018 serta 38 buah buku pada tahun 2019 daripada Kedutaan India.

Majlis turut diserikan dengan penyampaian cenderahati sebagai tanda penghargaan dan kenang-kenangan atas kerjasama yang terjalin antara kedua-dua institusi.

Dengan pelancaran Sudut Buku India itu, UNISSA berharap kemudahan berkenaan akan menjadi sumber rujukan yang bermanfaat kepada warga universiti, di samping memperkukuh budaya ilmu dan membuka peluang kepada lebih banyak kerjasama akademik serta kebudayaan di peringkat antarabangsa pada masa hadapan.

Penambahan koleksi tersebut juga dijangka dapat memperkayakan lagi sumber rujukan antarabangsa di Perpustakaan UNISSA hasil sumbangan dan kerjasama pelbagai pihak.

# MEMPERKUKUHKAN JARINGAN KERJASAMA PERINGKAT ANTARABANGSA

**Siaran Akhbar dan Foto : Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan**

**KHON KAEN, THAILAND**, Isnin, 25 Mei. - Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) telah menghadiri The 12th International Conference on Education Reform 2026 (ICER2026) yang dianjurkan oleh Fakulti Pendidikan, Mahasarakham University (MSU), Khon Kaen, Thailand dengan kerjasama Consortium of Asia-Pacific Education Universities (CAPEU).

Hadir mewakili KUPU SB, Ra'es KUPU SB, Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani, dan Timbalan Dekan (Pendidikan), Fakulti Pendidikan dan Sains Kemasyarakatan, KUPU SB, Awang Ahmad Humaizi bin Haji Samihon.

Persidangan antarabangsa tersebut menghimpunkan para akademik, penyelidik dan pengamal pendidikan dari pelbagai Institusi Pengajian Tinggi (IPT) serantau dan antarabangsa bagi membincangkan isu-isu semasa, inovasi dan pembaharuan dalam bidang pendidikan.

Pada sebelah petang, delegasi KUPU SB yang diketuai oleh Ra'es KUPU SB telah menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan Lembaga Pengarah Kali Ke-8 CAPEU. Mesyuarat telah dihadiri oleh 25 perwakilan universiti yang terdiri daripada Ahli-ahli CAPEU.

Antara perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat tersebut termasuk pembentangan laporan aktiviti dan pencapaian Ahli-ahli CAPEU bagi Sesi 2025 / 2026, membuat perancangan strategik di samping meneroka peluang-peluang kerjasama akademik dan penyelidikan antara institusi ahli.

Sejak penubuhannya pada tahun 2013, CAPEU telah berfungsi sebagai jejambat penghubung antara IPT di Asia-Pasifik dalam memperkasa agenda pendidikan di peringkat antarabangsa.

Melalui platform ini, CAPEU dapat berinteraksi secara aktif, berkongsi pengalaman dan kepakaran serta meneroka peluang kolaborasi yang memberi nilai tambah dalam pembangunan dan pengembangan bidang pendidikan.




**DELEGASI KUPU SB yang diketuai oleh Ra'es KUPU SB menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan Lembaga Pengarah Kali Ke-8 CAPEU.**

Penyertaan KUPU SB dalam persidangan dan mesyuarat tersebut mencerminkan komitmen berterusan universiti dalam memperkukuhkan jaringan kerjasama di peringkat antarabangsa, memperluaskan perkongsian ilmu serta meningkatkan kecemerlangan pendidikan di peringkat negara, serantau dan global.

# Memperkukuh hubungan akademik, meneroka peluang kolaborasi bersama



**RA'ES KUPU SB hadir mewakili KUPU SB manakala pihak UBS telah diwakili oleh Pengasas UBS, Islomjon Olimjanov.**

**KHON KAEN, THAILAND**, Isnin, 25 Mei. - Satu sesi perjumpaan berasingan telah berlangsung baru-baru ini antara Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) dengan pihak University of Business and Science (UBS), Uzbekistan bagi membincangkan peluang-peluang kerjasama strategik antara kedua-dua institusi khasnya dalam bidang akademik dan bukan akademik.

Hadir mewakili KUPU SB, Ra'es KUPU SB, Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani; manakala pihak UBS telah diwakili oleh Pengasas UBS, Islomjon Olimjanov.

Turut hadir pada sesi perbincangan berkenaan, Penasihat Hal Ehwal Antarabangsa, UBS, Profesor Madya Dr. Muzaffar Obilov.

Perbincangan antara kedua-dua belah pihak tertumpu kepada potensi kerjasama dalam pelbagai bidang termasuklah yang berkaitan dengan akademik, mobiliti pelajar, pembangunan profesional serta perkongsian kepakaran dalam bidang pendidikan dan pengajian tinggi.

Dalam pertemuan berkenaan, kedua-dua institusi turut menyatakan hasrat untuk memperkukuh hubungan akademik dan meneroka peluang kolaborasi yang dapat memberi manfaat bersama warga institusi masing-masing.

UBS, Uzbekistan merupakan antara ahli baharu yang menyertai Consortium of Asia-Pacific Education Universities (CAPEU), sebuah konsortium yang menghimpunkan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di rantau Asia Pasifik bagi memperkukuh jaringan kerjasama dan pembangunan pendidikan serantau.

Komitmen KUPU SB dalam membangun peluang kerjasama dengan UBS adalah selaras dengan usaha berterusan universiti dalam memperluaskan jaringan antarabangsa serta memperkukuh hubungan strategik dengan IPT di peringkat global.




# Peluang sertai Kempen Derma Darah

**Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 25 Mei. - Pusat Pendermaan Darah di Jabatan Perkhidmatan Makmal, Kementerian Kesihatan akan mengadakan Kempen Derma Darah. Orang ramai adalah diseru untuk menyertai kempen tersebut dan sekali gus menderma darah bagi sama-sama membantu meningkatkan bekalan darah di negara ini.

Kempen Derma Darah akan diadakan pada Isnin, 25 Mei dan Selasa, 26 Mei bertempat di Aras Bawah, Kompleks Bangunan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Bandar Seri Begawan bermula pukul 9.00 pagi hingga 11.30 pagi dan disambung semula pukul 1.00 petang hingga 3.00 petang.

Sementara Sabtu, 30 Mei dan 2 Jun 2026, Kempen Derma Darah akan diadakan di Tingkat 1, Hua Ho Manggis anjuran Dewan Perniagaan Tionghua, Bandar Seri Begawan bermula pukul 10.00 pagi hingga 3.00 petang.

Orang ramai adalah juga dialu-alukan untuk datang terus ke Pusat Pendermaan Darah di Hospital Raja Isteri Pengiran Saleha (RIPAS) untuk menderma darah pada hari-hari bekerja bermula pukul 8.00 hingga 11.30 pagi dan pukul 1.30 hingga 4.00 petang. Tempahan slot derma darah melalui aplikasi Bloodkad bagi Kempen Derma Darah adalah sangat digalakkan.

| TARIKH & MASA PENDAFTARAN | TEMPAT |
|---|---|
| Isnin, 25 Mei 2026 dan Selasa, 26 Mei 2026<br>9.00 pagi hingga 11.30 pagi & 1.00 petang hingga 3.00 petang | Aras Bawah, Kompleks Bangunan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Bandar Seri Begawan |
| Sabtu, 30 Mei 2026 dan Selasa, 2 Jun 2026<br>10.00 pagi hingga 3.00 petang | Tingkat 1, Hua Ho Manggis<br>Anjuran Dewan Perniagaan Tionghua, Bandar Seri Begawan |

# 127 PELAJAR TERIMA SIJIL PROGRAM PRA-VOKASIONAL



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara hadir selaku tetamu kehormat ialah



**Oleh : Nurdiyanah Rajami**
**Foto : Nurdiyanah Rajami, Ihsan Kementerian Pendidikan**

**MANGGIS**, Selasa, 26 Mei. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pendidikan Khas hari ini mengadakan Majlis Penyampaian Sijil Program Pra-Vokasional bagi Sesi 2021-2025 bertempat di Damai Ballroom, Aman Hills Hotel.

Program Pra-Vokasional merupakan laluan pendidikan menengah selama lima tahun yang dirangka khusus bagi memenuhi keperluan pelajar berkeperluan pendidikan khas di beberapa buah sekolah menengah kerajaan.

Sehubungan itu, hadir selaku tetamu kehormat ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin.

Atur cara dimulakan dengan ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh Pemangku Pengarah Jabatan Pendidikan Khas, Dr. Hajah Mustazah binti Awang Maidin, selaku Pengerusi Majlis.

Acara kemudiannya diteruskan dengan penyampaian sijil oleh tetamu kehormat kepada 127 orang pelajar yang telah berjaya menamatkan Program Pra-Vokasional bagi Sesi 2021-2025 serta lima orang guru Pendidikan Khas (guru SEN) yang telah bersara daripada perkhidmatan.

Sijil penghargaan dan cenderamata turut disampaikan kepada enam buah syarikat atas sokongan dan kerjasama dalam menyediakan penempatan kerja bagi pelajar-pelajar Program Pra-Vokasional.

Program Pra-Vokasional berkenaan antara lain bertujuan untuk menyediakan pembelajaran yang bersesuaian bagi pelajar berkeperluan khas agar mereka dapat menguasai kemahiran hidup berdikari seperti kemahiran akademik fungsional, kemahiran sosial dan komunikasi, kemahiran pengurusan diri, kemahiran asas vokasional serta kemahiran kerja berpandukan Rancangan Pendidikan Individu (IEP) masing-masing mengikut tahap dan kebolehan individu.

Usaha ini juga selaras dengan Wawasan Brunei 2035 dalam melahirkan rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya, di samping menyokong visi dan misi Kementerian Pendidikan dalam menyediakan pendidikan yang berkualiti dan holistik.

Selain acara penyampaian sijil, pameran hasil kerja pelajar Program Pra-Vokasional turut diadakan dengan menampilkan pelbagai hasil kerja termasuk kraf tangan, produk makanan dan minuman, serta hasil tanaman daripada pelajar Program Pra-Vokasional daripada 18 buah sekolah menengah kerajaan bagi menyerikan lagi suasana majlis.

Turut hadir ialah pengarah - pengarah, penolong-penolong pengarah, pegawai-pegawai kanan Kementerian Pendidikan, agensi-agensi kerajaan yang terlibat, pemimpin-pemimpin sekolah, guru-guru Homeroom (HRT), wakil-wakil dari sektor korporat, pegawai-pegawai dari Jabatan Pendidikan Khas serta para ibu bapa dan penjaga.

# Usaha transformasi, penambahbaikan berterusan sistem penjagaan kesihatan negara



PEMANGKU Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan menghadiri satu perjumpaan dan sesi dialog bersama penuntut-penuntut bidang perubatan, pergigian, kejururawatan, farmasi dan profesional kesihatan bersekutu (*allied health professional*) serta doktor-doktor yang sedang mengikuti latihan kepakaran.

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan**

**SCOTLAND, UNITED KINGDOM**, Selasa, 26 Mei. - Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dr. Dayang Hajah Rafidah binti Haji Gharif telah berkesempatan untuk menghadiri satu perjumpaan dan sesi dialog bersama penuntut-penuntut bidang perubatan, pergigian, kejururawatan, farmasi dan profesional kesihatan bersekutu (*allied health professional*) serta doktor-doktor yang sedang mengikuti latihan kepakaran, di kota Glasgow, Scotland, United Kingdom, baru-baru ini.

Sesi berkenaan diadakan sebagai platform interaksi dan perkongsian pandangan antara pihak Kementerian Kesihatan dengan para pelajar Negara Brunei Darussalam (NBD) yang sedang menuntut di luar negara, khususnya dalam bidang strategik yang berkaitan dengan pembangunan sistem penjagaan kesihatan negara.

Dalam sesi tersebut, Dr. Dayang Hajah Rafidah menekankan beberapa isu penting yang berkait rapat dengan hala tuju serta keperluan semasa sektor kesihatan negara. Antaranya ialah kapasiti tenaga kerja tempatan dalam bidang perubatan dan kesihatan yang belum mencukupi bagi menampung penyediaan perkhidmatan kesihatan seluruhnya di negara ini.

Sehubungan itu, beliau mengingatkan para pelajar mengenai pelaburan besar yang telah diperuntukkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi membiayai pendidikan dan latihan dalam bidang yang berkaitan dengan kesihatan, yang melibatkan kos yang amat tinggi demi memastikan negara memiliki sumber tenaga profesional yang berkelayakan, kompeten dan berdaya saing.

Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan juga turut menegaskan bahawa peluang menimba ilmu dan menjalani latihan di institusi-institusi terkemuka di luar negara merupakan satu keistimewaan yang harus dimanfaatkan sepenuhnya oleh para pelajar.

Pengetahuan, pengalaman dan kemahiran yang diperoleh sepanjang tempoh pengajian bukan sahaja memberi pendedahan kepada teknik, prosedur klinikal serta teknologi perubatan terkini, malah berupaya memperkayakan mutu penyampaian perkhidmatan kesihatan di negara ini pada masa hadapan.

Beliau seterusnya menyatakan bahawa kepakaran dan pengalaman antarabangsa yang dibawa pulang oleh para graduan kelak akan menjadi pemangkin penting kepada usaha transformasi dan penambahbaikan berterusan sistem penjagaan kesihatan negara, selaras dengan piawaian serta amalan terbaik kesihatan di peringkat antarabangsa.

Dalam pada itu, pelajar-pelajar dan doktor-doktor juga turut di seru agar sentiasa mengekalkan imej profesionalisme yang tinggi serta mengamalkan nilai integriti, disiplin dan etika kerja yang cemerlang sepanjang tempoh pengajian dan latihan klinikal mereka.

Beliau menekankan bahawa profesion perubatan bukan sahaja menuntut kecemerlangan akademik dan teknikal, malah memerlukan sifat empati, belas ihsan dan kepekaan dalam berinteraksi dengan pesakit serta masyarakat umum, pada masa yang sama untuk sentiasa menjaga kesihatan mereka sendiri dari segi fizikal, mental dan psikologikal.

Menurut beliau, para pelajar merupakan aset berharga negara dan bakal memainkan peranan penting sebagai barisan hadapan dalam memastikan kesejahteraan rakyat serta penduduk NBD.

Pada akhir sesi tersebut, Dr. Dayang Hajah Rafidah turut menyuarakan harapan agar para pelajar akan kembali berkhidmat di tanah air setelah menamatkan pengajian masing-masing, seterusnya menyumbang kepakaran dan tenaga dalam memperkukuhkan sistem penjagaan kesihatan negara.

Beliau menegaskan bahawa komitmen serta dedikasi generasi profesional kesihatan masa depan amat penting dalam merealisasikan aspirasi negara ke arah sistem kesihatan yang mampan, progresif dan berdaya tahan. Sesi dialog berkenaan telah disertai oleh seramai 110 pelajar, termasuk 35 orang yang mengikuti sesi tersebut secara dalam talian.

Perjumpaan dan sesi perkongsian yang diungkayahkan ini mencerminkan komitmen berterusan Kementerian Kesihatan NBD dalam memperkukuhkan hubungan dan jaringan komunikasi bersama para pelajar NBD di luar negara, khususnya dalam bidang perubatan dan kesihatan.

Inisiatif seumpama ini juga merupakan satu pelaburan strategik negara dalam membentuk generasi profesional kesihatan yang berkualiti, berwibawa dan berdaya saing demi menjamin masa depan sistem penjagaan kesihatan negara yang lebih cemerlang.

# USAHA MEMASTIKAN WARISAN TIDAK HILANG DITELAN ZAMAN





**PENGARAH Kebudayaan dan Kesenian, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Mohd. Abdoh bin Awang Haji Damit hadir selaku tetamu kehormat bagi sama-sama menyaksikan pertandingan dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pemenang (atas dan atas kanan).**

**Oleh : Nurdiyanah Rajami**
**Foto : Ihsan Pakatan Sang Jati Dusun Brunei Darussalam**

**TUTONG**, Isnin, 25 Mei. - Sebagai salah satu usaha murni dalam memelihara dan memperkenalkan warisan budaya keunikan pakaian tradisi kepada generasi muda dan masyarakat umum di negara ini, Pakatan Sang Jati Dusun (PSJD) Brunei Darussalam baru-baru ini telah menganjurkan Pertandingan Pakaian (Pagrisu) Tradisi Sang Jati Dusun bersempena Sambutan Perayaan Adau Gayoh 2026.

Pertandingan yang dibukakan kepada kategori kanak-kanak dan dewasa itu diadakan di Dewan PSJD, Kampung Padang Bukit Udal, Daerah Tutong.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi sama-sama menyaksikan pertandingan dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pemenang ialah Pengarah Kebudayaan dan Kesenian, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Awang Haji Mohd. Abdoh bin Awang Haji Damit.

Sehubungan itu, Yang Dipertua PSJD, Awang Johan bin Benson dalam ucapannya menjelaskan pertandingan berkenan bukan sekadar majlis, malah ia mencerminkan identiti, warisan dan kesetiaan kita kepada tanah air tercinta, Negara Brunei Darussalam (NBD).

Beliau juga antaranya menambah majlis seumpama ini bukan sahaja menjadi wadah untuk berhimpun dan mengeratkan silaturahim malah turut menjadi lambang kecintaan kita terhadap budaya, adat resam dan warisan nenek moyang Puak Dusun di NBD.

"Dalam arus kemodenan masa kini, warisan tradisional seperti pakaian adat mempunyai nilai yang sangat tinggi kerana ia mencerminkan identiti, sejarah dan jati diri sesuatu bangsa," ujarnya.

Awang Johan turut menekankan setiap corak, warna dan hiasan pada pakaian tradisional kita mempunyai makna tersendiri yang diwarisi turun-temurun. Oleh itu, kita hendaklah terus berusaha memastikan warisan ini tidak hilang ditelan zaman.

Antara pengisian menarik semasa berlangsungnya pertandingan berkenaan ialah persembahan mengenai pengenalan lagu Panakod Adau Gayoh yang mengiringi para peserta memperagakan pakaian tradisi masing-masing; Tarian Mior daripada Kumpulan Seni Budaya PJSD dan Persembahan Silat Kuntau.

# Meningkatkan kefahaman generasi muda terhadap ibadah haji

**Siaran Akhbar dan Foto : Mock Hajj 3.0**





**ANTARA yang menyertai Program Mock Hajj 3.0 yang berlangsung di Masjid Sultan Sharif Ali, Kampung Sengkurong (atas dan atas kiri).**

**SENGKURONG,** Isnin, 25 Mei. - Seramai 175 kanak-kanak berumur antara 3 tahun hingga 12 tahun menyertai Program Mock Hajj 3.0 yang berlangsung di Masjid Sultan Sharif Ali (MSSA), Kampung Sengkurong, baru-baru ini.

Program yang berlangsung dari jam 7.30 pagi hingga 11.30 pagi berkenaan dianjurkan bagi memperkenalkan ibadah haji kepada kanak-kanak melalui pendekatan pembelajaran interaktif dan pengalaman secara langsung.

Fasilitator bagi program berkenaan ialah Dr. Widad binti Haji Abdul Aziz dan Awang Muhammad Fahmi bin Haji Abas.

Turut terlibat dalam menjayakan program berkenaan ialah lebih daripada 60 sukarelawan dan marshal gabungan Kumpulan Belia Da'ie dan Kumpulan Belia Masjid Syababul Iman, MSSA, Kampung Sengkurong daripada pelbagai latar belakang, termasuk fasilitator stesen, petugas pendaftaran, Flight Attendant Marshals serta jawatankuasa pelaksana yang mengendalikan perjalanan aktiviti sepanjang program berlangsung.

Antara objektif utama program ialah untuk memperkenalkan makna dan Rukun-rukun Haji kepada kanak-kanak, memupuk rasa cinta terhadap ibadah Islam sejak usia muda, menggalakkan nilai kerjasama, disiplin dan tolong-menolong serta memberi pengalaman pembelajaran Aidiladha yang menyeronokkan dan bermakna.

Melalui konsep 'Perjalanan ke Makkah', para peserta mengikuti simulasi perjalanan haji bermula dengan proses pendaftaran penerbangan dan pengagihan pasport khas, sebelum melalui beberapa stesen utama yang menggambarkan manasik haji sebenar.

Aktiviti yang dijalankan termasuk simulasi penerbangan ke Makkah, pemakaian ihram, tawaf mengelilingi Kaabah, Sai antara Safa dan Marwah, Wuquf di Arafah, bermalam di Mina dan Muzdalifah serta melontar Jamrah.

Selain melaksanakan simulasi ibadah haji, peserta turut mengikuti sesi *tadabbur* yang antara lain menceritakan kisah pengorbanan, kesabaran dan ketaatan Nabi Ibrahim Alaihissalam, isterinya, Siti Hajar dan Nabi Ismail Alaihissalam sebagai asas kepada kefahaman manasik haji.

Program berkenaan turut memberi peluang kepada ibu bapa dan penjaga untuk terlibat secara langsung dalam proses pembelajaran anak-anak serta mengeratkan hubungan kekeluargaan melalui aktiviti keagamaan yang bersifat pendidikan dan rekreasi.

Penganjur berharap program seumpama berkenaan dapat meningkatkan kefahaman generasi muda terhadap ibadah haji dan menyemai nilai-nilai murni seperti kesabaran, keikhlasan, pengorbanan serta pergantungan kepada Allah Subhanahu Wata'ala dalam kehidupan seharian.

# Hukum Tidak Menyedekahkan Daging Korban Kepada Golongan Fakir Miskin

IRSYAD HUKUM

Jabatan Mufti Kerajaan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Website : www.mufti.gov.bn
E-mail : fatwa@mufti.gov.bn - info@mufti.gov.bn

**(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)**

**WAKTU** menyembelih binatang korban bermula selepas matahari terbit pada Hari Raya Adha dan berlalu kadar waktu dua rakaat sembahyang serta dua khutbah yang ringkas. Tempoh tersebut berlanjutan sehingga matahari terbenam pada 13 Zulhijjah.

Dari segi cara pembahagian dan pengagihan daging binatang korban pula hendaklah dilaksanakan sebagaimana yang ditetapkan oleh syara'. Pada kebiasaannya, pengagihan daging korban dilakukan dengan segera selepas penyembelihan binatang tersebut. Perbuatan ini menepati anjuran syara'. Namun adakalanya, keseluruhan daging tersebut dimakan dan dihadiahkan oleh orang yang berkorban kepada golongan tertentu sahaja sehingga tidak ada lagi bahagian daripadanya yang diagihkan kepada golongan yang berhak menerimanya. Dalam keadaan seperti ini, apakah orang yang berkorban dituntut untuk menyembelih semula binatang korban, atau memadai hanya dengan menggantinya?

Untuk menjawab persoalan ini, perlu difahami bahawa cara pengagihan daging korban itu tertakluk kepada sama ada korban itu korban wajib atau korban sunat.

**Korban Wajib**

Apabila binatang korban dihukumkan sebagai korban wajib seperti binatang yang ditentukan sebagai korban atau korban nazar, maka hak pemilikan pemilik asal terlucut dengan serta merta dan binatang korban wajib itu menjadi hak milik fakir dan miskin. Keberadaan binatang di tangan orang yang berkorban wajib itu dianggap sebagai amanah seperti hukum *wadi'ah* (barang yang diamanahkan). Oleh itu, orang yang berkorban wajib selaku pemegang amanah, tidak dipertanggungjawabkan untuk mengganti rugi jika berlaku kerosakan ke atas binatang tersebut melainkan jika ia berpunca daripada kecuaian orang yang berkorban.

Daging binatang korban wajib itu wajib disedekahkan keseluruhannya kepada golongan fakir dan miskin dalam keadaan mentah lagi basah, dan memadai walaupun hanya disedekahkan kepada seorang fakir atau miskin sahaja.

Oleh sebab itu, haram bagi orang yang bernazar (berkorban wajib) termasuk orang-orang di bawah tanggungannya yang wajib untuk memakan sesuatu daripada daging korban wajib tersebut. Jika orang yang berkorban wajib atau orang di bawah tanggungannya memakan sesuatu daripadanya, maka wajib ke atasnya mengganti daging yang dimakan itu, namun tidak wajib baginya untuk menyembelih semula binatang yang lain sebagai ganti. Asy-Syaikh al-Khathib asy-Syarbini *Rahimahullah* dalam kitabnya Mughni al-Muhtaj menjelaskan :

**Ertinya** : *Dan korban wajib itu tidak harus baginya (orang yang berkorban wajib itu) memakan daripadanya, jika dia memakan sesuatu daripadanya, (hendaklah) dia menggantinya.*

Menurut pendapat yang *ashah*, daging korban wajib yang dimakan itu diganti dengan nilai daging tersebut dan disedekahkan kepada fakir dan miskin.

**Korban Sunat**

Binatang korban sunat itu, selagi belum disembelih, ia kekal di bawah pemilikan orang yang berkorban dan tidak terikat dengan hukum khusus korban sunat. Oleh itu, pemilik berhak melakukan sebarang *tasharruf* pada binatang tersebut seperti menyembelihnya untuk tujuan lain, menjualnya atau selainnya. Namun setelah binatang korban sunat disembelih dalam waktunya, orang yang berkorban bertanggungjawab menguruskan daging tersebut antaranya melaksanakan kewajipan agihan kepada golongan yang berhak dan tidak dibenarkan merosakkannya, menjual atau perbuatan lain yang ditegah syara'. Hal ini sebagaimana yang disebut oleh Imam ar-Ramli *Rahimahullah* dalam kitabnya Nihayah al-Muhtaj, bahawa selepas binatang korban disembelih, telah sabit adanya pemilik yang berhak ke atas bahagian tertentu daripada daging tersebut, iaitu fakir dan miskin.

Bagi binatang korban sunat, orang yang berkorban disunatkan untuk membahagikan pengagihan dagingnya kepada tiga bahagian, iaitu satu pertiga untuk orang yang berkorban, satu pertiga untuk dihadiahkan kepada golongan kaya dan satu pertiga lagi untuk disedekahkan kepada fakir dan miskin. Jelas di sini bahawa orang yang berkorban sunat diharuskan untuk memakan sesuatu daripada binatang korbannya berbeza dengan korban wajib.

Dalam korban sunat, wajib menyedekahkan sebahagian daripada daging tersebut kepada fakir atau miskin dengan kadar yang dinamakan sedekah dan yang dianggap bernilai, dalam keadaan mentah lagi basah, bukan yang sudah dimasak atau diawet seperti dikeringkan. Memadai disedekahkan daging korban sunat itu walaupun hanya kepada seorang fakir atau miskin sahaja. Walau bagaimanapun sunat supaya kadar daging sebagai sedekah itu tidak kurang daripada satu pertiga. Namun yang afdhal ialah menyedekahkan keseluruhan daging tersebut kecuali kadar beberapa suap untuk dimakan oleh orang yang berkorban sebagai *ittiba'* iaitu mengikut perbuatan Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* dan dengan maksud mengambil keberkatan daripada korbannya itu.

Adapun kadar minima yang wajib disedekahkan kepada fakir dan miskin itu, asy-Syaikh al-Khathib asy-Syarbini *Rahimahullah* dalam kitabnya Mughni al-Muhtaj ketika menjelaskan kata-kata Imam an-Nawawi *Rahimahullah* berkenaan dengan kewajipan menyedekahkan sebahagian daripada daging korban sunat itu berkata :

**Ertinya** : *Dan menurut pendapat yang ashah, wajib menyedekahkan sebahagiannya (korban sunat) walaupun pada kadar yang sedikit dari dagingnya sekira-kira ia boleh dinamakan (sebagai sedekah) kepada orang-orang fakir dan walaupun (disedekahkan) kepada seorang fakir.*

Walau bagaimanapun kadar yang sedikit yang wajib disedekahkan itu juga tidaklah sampai kepada kadar yang terlalu sedikit sebagaimana mengikut pandangan Imam al-Mawardi *Rahimahullah*. Hendaklah kadar tersebut mempunyai nilai walaupun nilainya itu nilai yang terendah kerana kuantiti daging yang tidak bernilai itu tidak memadai untuk diberikan kepada seorang fakir atau miskin. Menurut Imam asy-Syibramallisi *Rahimahullah*, dianjurkan untuk menyedekahkan daging tersebut umpamanya pada kadar tidak kurang daripada timbangan satu rithl. Menurut Ustadz Doktor 'Ali Jum'ah *Hafizhahullah* dalam kitab beliau al-Makayil wa al-Mawazin asy-Syar'iyyah, kiraan satu *rithl* itu (berdasarkan *rithl al-'Iraqi* atau *rithl al-Baghdadi*) adalah bersamaan dengan 382.5 gram. Namun menyedekahkan daging korban sunat dengan timbangan satu *rithl* bukanlah satu kemestian. Malah amalan yang biasa dilakukan di kalangan orang yang berkorban di negara kita Brunei dengan menyedekahkan daging korbannya melebihi daripada timbangan satu rithl seperti menyedekahkan sepertiga atau lebih itu adalah amalan yang lebih baik dalam berkorban.

Oleh sebab itu, haram bagi orang yang berkorban sunat memakan keseluruhan daging korban sunatnya tanpa menyedekahkan walau sedikitpun daripada daging tersebut kepada fakir atau miskin kerana tujuan utama korban adalah sebagai bentuk penyantunan (*irfaq*) kepada golongan miskin. Jika tiada suatu pun daripada daging korban sunat itu disedekahkannya seperti dimakannya keseluruhan daging tersebut, atau dihadiahkan keseluruhannya kepada golongan kaya, ibadah korban yang dilakukannya tetap sah. Namun dia wajib menggantinya dengan membeli daging lain mengikut nilai harga bagi kadar daging yang wajib disedekahkan, iaitu kadar minima yang wajib disedekahkan kepada fakir dan miskin daripada sesuatu yang dianggap daging menurut '*urf*.

Mengenai penggantian daging korban sunat yang dimakan keseluruhannya tanpa disedekahkan suatu pun daripadanya kepada fakir atau miskin, Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah* dalam kitab al-Manhaj al-Qawim, iaitu syarah beliau terhadap Kitab Masa'il at-Ta'lim, menyatakan :

**Ertinya** : *Maka jika dia memakan keseluruhan (daging korban sunatnya, maka dia dipertanggungjawabkan untuk) mengganti rugi (nilai kadar) yang wajib itu, iaitu apa yang dinamakan (sebagai daging yang wajib disedekahkan). Lalu hendaklah dia membeli dengan nilainya (kadar yang wajib itu) daging (lain sebagai ganti).*

Selain itu, Imam an-Nawawi *Rahimahullah* dalam kitabnya al-Majmu' juga menyatakan bahawa menurut pendapat *al-masyhur* tidak memadai menyedekahkan wang tunai kepada fakir dan miskin. Hendaklah wang tersebut digunakan untuk membeli daging lalu daging itu disedekahkan kepada fakir atau miskin. Membeli dan menyedekahkan daging tersebut, boleh dilakukan walaupun selepas hari-hari *Tasyriq*, kerana ia sudah menjadi hutang tanggungan (*dhaman*) yang tidak lagi terikat dengan waktu penyembelihan korban.

Kesimpulannya, dalam pengagihan daging korban, golongan fakir dan miskin adalah golongan yang tidak boleh diketepikan atau dilupakan. Mereka adalah pemilik kepada keseluruhan bahagian daripada daging korban wajib dan pemilik kepada bahagian tertentu daripada daging korban sunat. Jika tiada suatu bahagian pun daripada daging korban disedekahkan kepada golongan fakir dan miskin seperti dimakan keseluruhannya oleh orang yang berkorban, atau dihadiahkan keseluruhannya kepada golongan kaya, maka perbuatan tersebut adalah haram dan kewajipan menyedekahkannya tidak gugur daripada orang yang berkorban. Orang yang berkorban wajib mengganti daging berkenaan sebagaimana yang ditetapkan oleh syara' namun tidak wajib baginya untuk menyembelih semula binatang yang lain sebagai ganti.

---

MENUJU KEREDAAN ALLAH

# Pengorbanan dan ketaatan

**HARI** Raya Aidiladha merupakan salah satu sambutan paling penting bagi masyarakat Islam. Ia bukan sekadar hari raya yang dirayakan dengan takbir, sembahyang, dan penyembelihan binatang korban, bahkan merupakan sebuah peristiwa yang mendidik rohani mengandungi tentang ketaatan kepada Allah Subhanahu Wata'ala, keikhlasan serta kepedulian terhadap sesama manusia.

Aidiladha bermula dengan Nabi Ibrahim Alaihissalam dan puteranya Nabi Ismail Alaihissalam. Ketika Nabi Ibrahim menerima perintah dari Allah Subhanahu Wata'ala melalui mimpi untuk menyembelih putera yang sangat dicintainya, beliau tidak membantah atau menunda. Sebaliknya, perintah tersebut diterima dengan penuh kepasrahan dan keyakinan. Nabi Ismail Alaihissalam pun menunjukkan keteladanan luar biasa dengan menerima keputusan Allah Subhanahu Wata'ala tanpa ragu. Peristiwa ini menjadi simbol ketaatan sepenuhnya kepada Allah Subhanahu Wata'ala, meninggalkan segala kepentingan duniawi.

*"...Nabi Ibrahim berkata : "Wahai anakku! Sesungguhnya aku bermimpi menyembelihmu maka fikirkanlah apa pendapatmu". Nabi Ismail berkata : "Wahai bapaku! Lakukanlah apa yang diperintahkan kepadamu, InsyaAllah bapa akan mendapati aku daripada orang-orang yang sabar".*

Surah Ash-Shaaffaat : 102

Dari kisah ini, umat Islam belajar bahawa iman sejati bukan hanya diucapkan dengan lisan, tetapi dibuktikan dengan kesediaan berkorban. Pengorbanan yang dimaksud tidak selalu berupa harta atau nyawa tetapi juga pengorbanan waktu dan kepentingan peribadi demi kebaikan yang lebih besar.

Ibadah korban yang dilaksanakan pada Hari Raya Aidiladha memiliki makna yang tersirat iaitu hubungan silaturahim yang sangat kuat. Daging korban dibagikan kepada fakir miskin, jiran dan masyarakat sekitar tanpa membezakan status sosial. Melalui ibadah ini, Islam mengajarkan pentingnya berbagi serta mempererat tali persaudaraan. Aidiladha menjadi momen di mana kebahagiaan tidak dinikmati sendiri, tetapi dibagi bersama. Penyembelihan binatang hanyalah simbol lahiriah daripada kesediaan seorang Muslim untuk mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh kepatuhan.

Hari Raya Aidiladha juga bertepatan dengan pelaksanaan ibadah haji, Rukun Islam Kelima yang mempertemukan umat Islam dari seluruh penjuru dunia. Jutaan umat Islam berkumpul di Tanah Suci dengan pakaian ihram yang sama tanpa perbezaan status, kerjaya dan kekayaan. Situasi ini menjadi simbol persamaan darjat manusia di hadapan Allah Subhanahu Wata'ala serta melihatkan kemuliaan individu itu hanya diukur dari ketakwaannya.

Dalam konteks kehidupan moden, nilai-nilai Aidiladha menjadi semakin relevan. Di tengah budaya individualisme dan materialisme, Aidiladha mengingatkan umat Islam untuk kembali pada nilai pengorbanan dan pemedulian sosial. Ia mengajarkan bahawa keberhasilan hidup tidak diukur semata-mata dari apa yang dimiliki tetapi dari sejauh mana seseorang mampu memberi manfaat bagi orang lain.

Semoga semangat pengorbanan Nabi Ibrahim Alaihissalam, keikhlasan Nabi Ismail Alaihissalam, dan nilai kepedulian sosial dari ibadah korban dapat terus terwujud dalam kehidupan sehari-hari, sehingga Aidiladha benar-benar menjadi sarana peningkatan iman dan ketakwaan kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

*"Maka dirikanlah sembahyang kerana Tuhanmu dan sembelihlah binatang korban (kerana mensyukuri nikmat-nikmat-Nya".*

Surah Al-Kautsar : 2

# TINGKATKAN PENGUASAAN, PENGGUNAAN BAHASA ARAB DALAM KALANGAN PELAJAR

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi



PEMANGKU Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan hadir selaku tetamu kehormat majlis.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 25 Mei. - Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) melalui kerjasama Jabatan Bahasa Arab, Jabatan Dirasah Islamiah dan Unit Kerohanian dan Kegiatan Bahagian Hal Ehwal Pelajar serta Nadi Diploma Tertinggi 'Aliyah Qiraat ITQSHHB menganjurkan Program Lughatuna, Lughatul Quran bersempena Bulan Bahasa Arab yang berlangsung di Dewan Kuliah ITQSHHB, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. Haji Abang Hadzmin bin Haji Abang Taha. Hadir sama, pengetua-pengetua dan guru-guru besar sekolah Arab, pegawai-pegawai, guru-guru dan kakitangan ITQSHHB.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dibacakan oleh siswa Tahun 3, Diploma Tertinggi 'Aliyah Qiraat Sesi 2024-2027 Masihi, Awangku Abdul Ghaffar bin Pengiran Haji Redziman.

Majlis diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Pengetua ITQSHHB, Pengiran Dr. Haji Amiruddin bin Pengiran Haji Damit dan disusuli dengan sesi kongsi sama Pembelajaran Bahasa Arab daripada Siswa-siswi Diploma Tertinggi 'Aliyah Qiraat.

Kemudian majlis diserikan dengan tayangan video pengumuman pemenang bagi setiap kategori yang dipertandingkan, sebelum penyampaian hadiah kepada para pemenang oleh tetamu kehormat majlis.

Antara objektif utama program ini diadakan adalah untuk meningkatkan penguasaan dan penggunaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar, sama ada secara lisan mahupun visual.

Selain itu, program ini turut bertujuan memperkukuh kefahaman serta penghayatan terhadap ayat-ayat Al-Quran di samping memperkasakan hafazan dan bacaan Al-Quran. Dengan adanya program ini juga dapat memupuk kreativiti serta kemahiran komunikasi beretika yang berlandaskan nilai-nilai Al-Quran.

Antara kategori yang dipertandingkan dalam program ini ialah Kategori (A) : Pertandingan Video Podcast, Kategori (B) : Pertandingan Video Drama dan Kategori (C) : Pertandingan Terjemahan. Majlis diakhiri dengan bacaan Tasbih Kaffarah dan Surah Al-Asr beramai-ramai.



ANTARA yang menyertai Program Lughatuna, Lughatul Quran bersempena Bulan Bahasa Arab (atas dan bawah).





# MINDA PEMBACA

## Peranan pengguna jalan raya dalam mengurangkan kemalangan

**PERANAN** pengguna jalan raya dalam mengurangkan kemalangan memang amat penting kerana kebanyakan kemalangan berlaku akibat kecuaian manusia, bukan semata-mata faktor jalan atau kenderaan.

Setiap individu yang menggunakan jalan raya sama ada pemandu, penunggang motosikal atau pejalan kaki mempunyai tanggungjawab masing-masing untuk menjaga keselamatan bersama. Namun begitu, ramai yang sering menyalahkan faktor luaran seperti keadaan jalan atau cuaca tanpa menyedari bahawa sikap sendiri sering menjadi punca berlakunya kemalangan.

Sebagai pemandu, mematuhi peraturan jalan raya merupakan tanggungjawab utama yang tidak boleh diabaikan dan dipandang ringan. Had laju yang ditetapkan perlu dipatuhi kerana ia berperanan mengawal keadaan trafik dan mengurangkan risiko kemalangan.

Selain itu, penggunaan telefon bimbit ketika memandu hendaklah dielakkan kerana ia boleh mengganggu tumpuan dan menyebabkan pemandu hilang kawalan. Hal demikian kerana apabila pemandu menggunakan telefon, tumpuan mereka akan teralih daripada jalan raya kepada skrin telefon.

Sikap berdisiplin semasa memandu menunjukkan tahap kesedaran seseorang terhadap keselamatan diri sendiri serta pengguna jalan raya yang lain.

Sementara bagi penunggang motosikal dan basikal, aspek keselamatan juga perlu diberi perhatian yang serius. Penunggang motosikal harus memakai topi keledar dengan betul dan memastikan kenderaan mereka sentiasa berada dalam keadaan baik sebelum digunakan.

Manakala penunggang basikal pula perlu menggunakan laluan sesuai yang telah ditetapkan, memakai peralatan keselamatan seperti topi keledar dan memastikan diri mereka mudah dilihat oleh pengguna lain terutama pada waktu malam. Kedua-duanya perlu sentiasa peka terhadap keadaan sekeliling dan tidak bersikap cuai ketika berada di jalan raya.

Sementara itu, pejalan kaki juga tidak terkecuali daripada tanggungjawab dalam memastikan keselamatan di jalan raya. Ini kerana pejalan kaki merupakan antara pengguna jalan raya yang paling terdedah kepada risiko kemalangan. Hendaklah melintas di tempat yang disediakan dan sentiasa peka terhadap pergerakan kenderaan adalah langkah mudah tetapi penting.

Apa yang menariknya, perubahan kecil dalam sikap boleh membawa kesan yang besar. Sabar ketika memandu, memberi laluan kepada pengguna lain, dan tidak mementingkan diri sendiri sebenarnya mampu mengurangkan tekanan di jalan raya. Akhirnya, keselamatan bukan hanya bergantung kepada undang-undang, tetapi pada kesedaran dan nilai dalam diri setiap pengguna jalan raya.

**Nama : Nor Sakinah binti Zakaria**
**No. K/P : 01-047XXX**

### Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**

1. **'Tingkatkan Kesedaran Pencegahan Penyakit Buah Pinggang'.** Tarikh Tutup : **27 Mei 2026**
2. **'Kesedaran Awam terhadap Bahaya Buli'.** Tarikh Tutup : **3 Jun 2026**
3. **'Amalan Membaca, Kunci Kejayaan'.** Tarikh Tutup : **10 Jun 2026**

### Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200** hingga **300** patah perkataan.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap** dan **nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA**
**Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan**
**Lapangan Terbang Lama, Berakas**
**Bandar Seri Begawan, BB3510**
**Negara Brunei Darussalam.**
**atau melalui**
**E-mel : *pelita.brunei@information.gov.bn***

**Menangi BND75 SETIAP MINGGU**

**Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang**

# MEMPERKUKUH JATI DIRI, KESIAPSIAGAAN BELIA

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Awang Haji Sulaiman**
**Foto : Azmah Haji Ahad**



**PEMANGKU Penolong Pengarah Bahagian Khidmat Bakti Negara (BKBN), Awang Mohd. Khairul Shahrul bin Haji Duahim.**

**TEMBURONG**, Isnin, 25 Mei. - Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) yang mula diperkenalkan sejak tahun 2011 terus memainkan peranan penting dalam membentuk jati diri belia Negara Brunei Darussalam (NBD) agar menjadi generasi yang berdisiplin, berdaya tahan dan siap siaga menghadapi cabaran masa depan.

Sehingga kini seramai 4,552 alumni telah berjaya dilahirkan melalui program tersebut, sekali gus membuktikan peranan Bahagian Khidmat Bakti Negara (BKBN) dalam menyediakan platform pembangunan belia yang mampan dan berkesan.

Pemangku Penolong Pengarah BKBN, Awang Mohd. Khairul Shahrul bin Haji Duahim menjelaskan, penubuhan PKBN merupakan aspirasi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui titah baginda sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan Kali Ke-6 pada tahun 2011.

Menurut beliau, titah tersebut antara lain menekankan kepentingan pembangunan jati diri dalam kalangan belia sebagai persediaan menempuhi cabaran hidup pada masa hadapan serta menekankan kepentingan jati diri adalah kekuatan sebenar, sebagai pelengkap dalam menjalankan khidmat.

"Pada tahun 2011, PKBN telah dilaksanakan secara rintis melalui tiga pengambilan awal dan seterusnya diteruskan dengan 13 pengambilan tetap. Pengambilan Ke-13 merupakan pengambilan terakhir yang tamat pada Februari 2025 lalu," jelas beliau semasa ditemui di Kem Latihan, PKBN, Kampung Batu Apoi, di sini.

Beliau seterusnya menerangkan mengenai pembaharuan kepada pelaksanaan PKBN yang dilaratkan kepada tempoh enam bulan.

"Alhamdulillah, pada upacara tamat latihan PKBN Pengambilan Ke-13 pada 17 Februari 2025 yang lalu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan mengurniakan titah, yang antara lain menyentuh mengenai sudah tiba masanya untuk latihan PKBN diteliti semula sekiranya dapat dilaratkan kepada tempoh enam bulan.

"Sehubungan itu, pada menjunjung titah baginda, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) melalui BKBN telah merangka dan mengemaskinikan kurikulum dan perisian latihan sedia ada dengan memberi penekanan kepada kemahiran yang relevan dengan keperluan semasa, khususnya dalam menghadapi cabaran mendapatkan pekerjaan serta penglibatan dalam bidang keusahawanan.

"Dalam masa yang sama, aspek disiplin, jati diri dan kerohanian yang menjadi teras PKBN turut diperkukuhkan supaya lebih efektif dan relevan dengan keperluan generasi masa kini," ujarnya.

Menurut beliau lagi, antara pembaharuan utama dalam PKBN enam bulan ialah penaiktarafan komponen menjadi satu komponen yang disebut Komponen Siap Siaga Masa Depan, selain pengenalan satu komponen baharu iaitu Komponen Program Pertahanan Awam (CDP).

Beliau menjelaskan, kedua-dua komponen tersebut diwujudkan bagi memperluaskan nilai tambah program serta membentuk belia yang lebih berdaya tahan, peka dan bersedia menghadapi cabaran era baharu.

"Kalau *kitani* melihat kepada komponen Siap Siaga Masa Depan, ia merupakan komponen yang dinaik taraf secara keseluruhan agar pengisian kurikulumnya lebih efektif, strategik dan sesuai dengan keperluan masa kini. Komponen ini dihasilkan dengan kerjasama padu dengan Pusat Pekerjaan Brunei, Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Pendidikan, Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Brunei Darussalam Central Bank, dan juga Bank Usahawan," ujar beliau.

Melalui komponen tersebut, para pelatih akan diberikan latihan intensif dalam pelbagai bidang termasuk kemahiran insaniah (*soft skills*), celik kewangan, penguasaan Kecerdasan Buatan (AI) serta Inovasi Tinggi sebagai persediaan memasuki alam pekerjaan.

Selain itu, kemahiran berkaitan dengan persediaan menjadi seorang pengusaha atau berkecimpung dalam bidang keusahawanan juga turut diterapkan dalam komponen ini. Bagi Komponen Program Pertahanan Awam pula, ia dilaksanakan dengan kerjasama Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pasukan Polis Diraja Brunei dan Jabatan Bomba dan Penyelamat.

Komponen tersebut bertujuan memberikan pengalaman serta kemahiran kepada para pelatih agar mereka sentiasa bersedia bertindak dalam menghadapi sebarang kecemasan atau bencana, sama ada akibat bencana alam mahupun buatan manusia.

"Dengan penerapan ilmu dan kemahiran ini, mereka akan dapat menjadi belia yang lebih berkemahiran dan sedia berbakti kepada masyarakat apabila diperlukan," tambah beliau.

Mengulas mengenai syarat penyertaan PKBN enam bulan, beliau menjelaskan bahawa calon mestilah berumur antara 20 hingga 25 tahun; berstatus warganegara atau penduduk tetap Negara Brunei Darussalam; bujang, mempunyai Indeks Jisim Badan (BMI) antara 17.0 hingga 34.9 serta lulus pemeriksaan kesihatan oleh Kementerian Kesihatan.

Selain itu, calon juga hendaklah dapat mengikuti program secara sepenuh masa (Tidak terikat dengan pekerjaan atau pengajian semasa jangka masa latihan) dan belum pernah menyertai PKBN sebelum ini (bukan Alumni PKBN).

Sebelum mengakhiri temu bual, beliau menyeru para belia yang memenuhi syarat agar merebut peluang menyertai PKBN enam bulan memandangkan pelbagai modul dan latihan khas disediakan bersama tenaga pengajar yang diiktiraf.

"Modul-modul yang ditawarkan ini lazimnya menjadi pilihan ramai dan memerlukan permohonan serta menunggu kekosongan jika diikuti di luar PKBN. Namun bagi pelatih PKBN, semuanya disediakan khusus untuk mereka. Maka rebutlah peluang keemasan ini," katanya.

Beliau turut memaklumkan bahawa sesi Jerayawara PKBN enam bulan akan diadakan pada Selasa, 26 Mei 2026, pukul 2.00 petang di Dewan Kuliah, Stadium Negara Hassanal Bolkiah dan pada Rabu, 27 Mei 2026, pukul 10.00 pagi di Dewan Bandaran Kuala Belait.

Belia yang berminat dialu-alukan hadir bersama ahli keluarga atau rakan-rakan untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai program berkenaan. Untuk keterangan lanjut, orang ramai bolehlah melayari Instagram rasmi PKBN atau menghubungi BKBN melalui talian +673 5222017 serta e-mel *pkbn.info@gmail.com*.

# Laporan Penyata Kewangan DANA

**Siaran Akhbar dan Infografik :**
**Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-anak Yatim**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 26 Mei. - Penyata Kewangan Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah untuk Anak-anak Yatim (DANA) bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 hingga 31 Disember 2023 diterbitkan secara dalam talian.

Sejak DANA ditubuhkan kira-kira 28 tahun yang lalu, pihak DANA telah dapat melaksanakan beberapa projek bantuan kepada anak-anak yatim dengan menyalurkan sumbangan-sumbangan yang telah diterima iaitu melalui derma kutipan dari orang ramai.

Laporan penyata kewangan DANA telah diaudit oleh Juruaudit BDO Chartered Accountants.

Orang ramai bolehlah mengakses butir-butir Laporan Penyata Kewangan DANA bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 hingga 31 Disember 2023 dengan mengimbas pada Kod QR yang disertakan.




# PKBN bentuk belia berdisiplin, berkeyakinan tinggi

**TEMBURONG**, Isnin, 25 Mei. - Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) bukan sahaja berjaya melahirkan belia yang berdisiplin dan berdaya tahan, malah turut memberi impak positif dalam membentuk keyakinan diri serta semangat kerjasama dalam kalangan para alumni program berkenaan.

Alumni PKBN Pengambilan Ke-11, Dayang Nur Syakirah binti Muhd. Hardy semasa mengongsikan pengalamannya kepada pihak media berkata, sepanjang mengikuti program tersebut beliau memperoleh pelbagai pengalaman baharu yang amat bermanfaat untuk pembangunan diri.

Menurut beliau, antara pengalaman yang paling memberi kesan ialah latihan kawad, latihan fizikal serta aktiviti-aktiviti mencabar yang mampu meningkatkan disiplin dan keyakinan diri.

"Banyak perkara baharu yang saya pelajari semasa mengikuti PKBN seperti kawad dan *physical training.* Semua ini menjadi satu pengalaman yang sangat baik, khususnya bagi mereka yang berminat menyertai pasukan beruniform," jelas beliau. Tambahnya lagi, penyertaan dalam PKBN turut membantu meningkatkan prestasi diri terutama dari segi keyakinan dan keberanian untuk tampil ke hadapan.

"Selepas tamat PKBN, saya menjadi lebih berdisiplin dan lebih aktif dalam bidang sukan. Selain itu, apabila ada keperluan untuk membantu atau mewakili sesuatu perkara, saya akan secara automatik tampil untuk menawarkan diri," katanya.



**AWANG Muhammad Nur Iffat Fadhlullah bin Fandi dan Dayang Nur Syakirah binti Muhd. Hardy semasa ditemu bual (kiri dan kanan).**

Sementara itu, seorang lagi Alumni PKBN Pengambilan Ke-11, Awang Muhammad Nur Iffat Fadhlullah bin Fandi berkata, pengalaman menjalani latihan di kem PKBN banyak mengajar beliau mengenai kepentingan disiplin dan semangat kerjasama. Menurut beliau, sepanjang berada di kem latihan, para pelatih dididik untuk menepati masa, berdikari serta bekerjasama sebagai satu pasukan.

"Semasa mengikuti latihan di kem PKBN, saya mendapat banyak pengalaman berharga seperti belajar disiplin, menepati masa, berdikari dan bekerjasama dalam satu pasukan," ujarnya.

Beliau menambah, aktiviti harian yang mencabar turut membantu meningkatkan kekuatan mental dan fizikal, selain membentuk keyakinan diri yang lebih tinggi. "Latihan yang dijalankan juga menjadikan saya lebih kuat dari segi mental dan fizikal serta lebih yakin terhadap diri sendiri," tambah beliau.

PKBN terus memainkan peranan penting sebagai platform pembangunan belia negara dalam melahirkan generasi yang berdisiplin, berdaya tahan dan sentiasa bersedia menyumbang kepada masyarakat dan negara.

**JABATAN PENGAJIAN ISLAM**
**KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

**Bilangan Sebut Harga:**
KHEU / JPI / JKS / PPS(JPI) / 2026 - 2027
Perkhidmatan Pembuangan Sampah Tempoh 2 Tahun Bagi Bangunan Jabatan Pengajian Islam, Blok 2 I, Jalan Ong Sum Ping, Bandar Seri Begawan, BA1311

**Bilangan Sebut Harga:**
KHEU / JPI / JKS / PPR (K) / 2026 - 2027
Perkhidmatan Pemotongan Rumput Tempoh 2 Tahun Bagi Zon 'K'

Di Bawah Kawalan Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam Tahun 1447H-1448H / 2026M-2027M

**Tarikh Tutup:**
Rabu,
24 Zulhijah 1447H /
10 Jun 2026M

**Bil. Sebut Harga :**
KHEU / JPI / JKS / 01 / 2026 - 2027

**Keterangan :**
Membekal, Menyediakan dan Mengemas Jamuan Bagi Majlis Penghargaan Pelajar-Petajar Cemerlang Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam Tahun 1447H / 2026M

**Yuran Tawaran:**
BND10.00 (Tidak Dikembalikan)

**Bil. Sebut Harga:**
KHEU / JPI / JKS / 02 / 2026 - 2027

**Keterangan:**
Membekal, Menghantar, Memasang, Menguji Perkakas Dan Peralatan Dapur Bagi Dapur Di Persekolahan Arab, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Tahun 1447H-1448H / 2026M-2027M

**Yuran Tawaran:**
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)

**JABATAN PERIKANAN**
**KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

**Bilangan Sebut Harga:**
IKAN / 78(Q) / 0011 / 2026

**Tajuk Sebut Harga:**
To Supply And Delivery Raw Sea Water Pump At Keramut Seawater Pump Station, Tutong, Department Of Fisheries

**Bilangan Sebut Harga:**
IKAN / 78(Q) / 0012 / 2026

**Tajuk Sebut Harga:**
Replace, Supply And Install Outboard Motor And Related Accessories For Boat Tangat BG0279, Department Of Fisheries

**Bilangan Sebut Harga:**
IKAN / 78(Q) / 0013 / 2026

**Tajuk Sebut Harga:**
Supply And Delivery Raw Sea Water To Serasa Pump Station, Pantai Serasa, Department Of Fisheries

**Bilangan Sebut Harga:**
IKAN / 78(Q) / 0014 / 2026

**Tajuk Sebut Harga:**
General Repair Works At Bunglow House No.F12, Jalan Pahlawan, Department Of Fisheries

**Bilangan Sebut Harga:**
IKAN / 78(Q) / 0015 / 2026

**Tajuk Sebut Harga:**
Supply And Delivery Of Personal Protective Equipment (PPE) For Marine Resources Survey

**Tarikh Tutup:**
Khamis,
11 Jun 2026

**Bil. Sebut Harga :**
KHEU / JPI / JKS / 65(13) / 2026 - 2027

**Keterangan :**
Sebut Harga Bagi Membekal, Menghantar, Memasang Tangki Air Serta Pump Dan Pembinaan Tempat Berwuduk Bagi Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Rimba Di Bawah Kawalan Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam Tahun 1447H - 1448H / 2026M - 2027M

**Yuran Tawaran:**
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Tutup:**
Rabu, 24 Zulhijah 1447H /
10 Jun 2026M
Tidak lewat jam 2.00 petang.

**JABATAN BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA**
**KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**Bilangan Tawaran:**
09 / BBS / SH / 2026 – 2027

**Keterangan Projek:**
Excavation And Laying Of PVC Pipe At Padang Bandaran, Jalan Sultan, Kuala Belait

Dibukakan Kepada Pemborong-pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Negara Brunei Darussalam

**Yuran Tawaran:**
BND5.00 (Non Refundable)

**Bilangan Tawaran:**
10 / BBS / SH / 2026 – 2027

**Keterangan Projek:**
Penyediaan Perkhemahan Ruang Solat Dan Pos Kawalan Keselamatan Gerai Perayaan Di Kawasan Tudung Saji Sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Bagi Daerah Belait

**Yuran Tawaran:**
BND5.00 (Non Refundable)

**Tarikh Tutup:**
Selasa, 9 Jun 2026

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**Sebut Harga Bagi Perkhidmatan Kantin**

**DA / JKSH / 43 / 2026 / 2027**
**[BPPA-MEI-2026]**
Sebut Harga Membekal, Menghantar Dan Menghidangkan Makanan Bagi Istiadat Barisan Kehormatan Sempena Memperingati Hari Puja Usia Ke-80 Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Tahun 2026 Bagi Pengibar Bendera (Acara Kemuncak)

**DA / JKSH / 44 / 2026 / 2027**
**[BPPA-MEI-2026]**
Sebut Harga Membekal, Menghantar Dan Menghidangkan Makanan Bagi Istiadat Barisan Kehormatan Sempena Memperingati Hari Puja Usia Ke-80 Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Tahun 2026 Bagi Pasukan Dan Petugas Yang Terlibat (Raptai Dan Acara Kemuncak)

**DA / JKSH / 45 / 2026 / 2027**
**[BPPA-MEI-2026]**
Sebut Harga Membekal Dan Menghantar Makanan Sarapan Pagi Bagi Istiadat Barisan Kehormatan Sempena Memperingati Hari Puja Usia Ke-80 Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Tahun 2026 Bagi Pengibar Bendera (Acara Kemuncak)

**DA / JKSH / 46 / 2026 / 2027**
**[BPPA-MEI-2026]**
Sebut Harga Membekal Dan Menghantar Makanan Sarapan Pagi Bagi Istiadat Barisan Kehormatan Sempena Memperingati Hari Puja Usia Ke-80 Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Tahun 2026 Bagi Pasukan Dan Petugas Yang Terlibat (Raptai Dan Acara Kemuncak)

**DA / JKSH / 47 / 2026 / 2027**
**[BPPA-MEI-2026]**
Sebut Harga Membekal Dan Menghantar Makanan Bagi Istiadat Barisan Kehormatan Sempena Memperingati Hari Puja Usia Ke-80 Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Tahun 2026 Bagi Pasukan Benteng, Brunei Darussalam Red Crescent Walking Team Dan Pemandu Bas (Acara Kemuncak)

**DA / JKSH / 48 / 2026 / 2027**
**[BPPA-MEI-2026]**
Sebut Harga Membekal Dan Menghantar Makanan Bagi Istiadat Barisan Kehormatan Sempena Memperingati Hari Puja Usia Ke-80 Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Tahun 2026 Bagi Pasukan Kecemasan (Raptai Dan Acara Kemuncak)

**Bayaran Yuran Sebut Harga:**
BND5.00

**Tarikh Tutup / Waktu:**
Sabtu,
13 Jun 2026
Jam 9.00 Pagi

**JABATAN PERIKANAN**
**KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

**Tawaran Tender Bagi Mengoperasikan Tapak Akuakultur, Sub-Lot 16605, Kampung Meragang Bagi Ternakan Ikan Laut, Negara Brunei Darussalam**

**Invitation To Tender For The Operation Of The Aquaculture Site, Sub Lot 16605, Kampung Meragang For Marine Fish Culture, Brunei Darussalam**

**Tarikh Tutup:**
Khamis,
16 Julai 2026

**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

**Bilangan Sebut Harga:**
12 / MEI / KKBS / BKBN / 1.40 / 26

**Tajuk Sebut Harga:**
Perkhidmatan Penyewaan Mesin Fotostat Bagi Kegunaan Bilik Gerakan Kem Latihan Program Khidmat Bakti Negara (PKBN), Batu Apoi, Temburong

**Tarikh Tutup:**
Khamis, 4 Jun 2026

**JABATAN KERJA RAYA**
**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada 'Mechanical and Electrical Engineering Consultancy' yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan**

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada:**
Selasa,
2 Jun 2026

**Tarikh Tutup:**
Selasa,
16 Jun 2026
Tidak Lewat Dari
Jam 2.00 Petang

**Bilangan Tawaran:**
JKR / RFQ / DOD / 4 / 2026

**Nama Projek:**
Request for Quotation (RFQ) For Mechanical and Electrical Engineering Consultancy Services For Pembinaan Masjid Baharu Di Rancangan Perumahan Negara Kampung Tanah Jambu

**Yuran Tawaran:**
BND100.00
(Tidak Dikembalikan)

**Dibukakan Kepada Syarikat-Syarikat Yang Berdaftar Dengan ROCBN MOFE Dalam Bidang-Bidang Business Sector 47 Retail Trade Except Of Motor Vehicle And Motorcycles or 09 Mining Support Services Activities**

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran:**
Selasa,
2 Jun 2026

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa,
16 Jun 2026
Tidak Lewat Jam 2.00 Petang

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DTS / 07 / BKTKS / 2026-T / II

**Nama Projek:**
Supply of XRF Portable Equipment for Bahagian Kaji Tanah dan Kaji Selidik

**Yuran Tawaran:**
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

**Yuran E-Dokumen:**
-

**JABATAN PERTANIAN**
**KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

**Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga dan dialamatkan kepada Ibu Pejabat, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Jalan Muhibbah, Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB3510, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

**Borang Sebut Harga:**
BND7.00

**JPt / SH / 19 / 2026 - 2027**
Supply And Deliver Chemicals For Drug Residues and Chemical Analyses

**JPt / SH / 20 / 2026 - 2027**
Supply And Deliver Of Reference Controls And Consumables For Field Sampling And Laboratory Sub-Sampling In Serological Animal Disease Testing In Serology / Virology

**JPt / SH / 21 / 2026 - 2027**
Supply, Delivery And Installation Of Purified Gases Refills For Veterinary Laboratory For One Year

**JPt / SH / 22 / 2026 - 2027**
Supply, Delivery, Installation And Commissioning Of Floor Stand Autoclave For Sterilization And Decontamination Of Microbiological Wastes

**JPt / SH / 23 / 2026 - 2027**
Supply And Deliver Sample Extraction Equipment And Chemical Analyses

**JPt / SH / 24 / 2026 - 2027**
To Troubleshoot And Repair Of Wax Embedding Workstation At Veterinary Laboratory

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Khamis,
25 Jun 2026
Jam 2.00 Petang

**PEJABAT PENERBANGAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA**

**Iklan Jawatan Kosong**

**Senior Aircraft Mechanic: SFNS3**

**Kekosongan:**
**1 Airframe & Engine**
**1 Avionic**

**Maintenance Supervisor Avionics: SFS3**

**Kekosongan:**
**1**

**Cabin Interior Technician, SFS3**

**Kekosongan:**
**1**

**Quality Assurance Senior Engineer: SFS3**

**Kekosongan:**
**1**

**Tarikh Tutup Permohonan:**
**Rabu,**
**10 Jun 2026**

**JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT**
**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

**Bilangan Tawaran dan Tajuk Tawaran:**
**JAPEM / UPE-TC 2026-2028 / CLGC / PPS (SENTOSA) /PGS**
Perkhidmatan Pembersihan Dan Pemotongan Rumput Di Pusat Penempatan Sementara (PPS) Sentosa Jabatan Pembangunan Masyarakat Bagi Tempoh 2 Tahun

**Bilangan Tawaran dan Tajuk Tawaran:**
**JAPEM / UPE-TC 2026-2028 / CLGC / PPS (SG.AKAR) / PGS**
Perkhidmatan Pembersihan Dan Pemotongan Rumput Di Pusat Penempatan Sementara (PPS) Sungai Akar Jabatan Pembangunan Masyarakat Bagi Tempoh 2 Tahun

**Bilangan Tawaran dan Tajuk Tawaran:**
**JAPEM / UPE-TC 2026-2028 / GC / PPS (SENTOSA & SG.AKAR) / PGS**
Perkhidmatan Pengangkutan Dan Pembuangan Sampah Bagi Tempoh 2 Tahun Di
a) Kompleks Rumah Kebajikan (KRK) & Flat Staff Belimbing Subok, Simpang 421
b) Pusat Penempatan Sementara (PPS) JAPEM Belimbing Subok, Simpang 554
c) Pusat Penempatan Sementara (PPS) JAPEM Sungai Akar
d) Pusat Penempatan Sementara (PPS) JAPEM Jalan Sentosa
e) Pusat Bahagia Pulaie

**Yuran Tawaran:**
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup:**
Khamis,
4 Jun 2026
Jam 2.00
Petang

جابتن تناݢ
JABATAN TENAGA
JABATAN PERDANA MENTERI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Jabatan Tenaga di Jabatan Perdana Menteri berhasrat untuk memacu usaha tenaga mampan melalui pelaksanaan tenaga yang boleh diperbaharui dalam mempelbagaikan campuran tenaga Negara.

*Nota: Iklan ini bukan merupakan suatu tawaran daripada DOEPMO dan adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang dinyatakan di dalam Dokumen Tawaran.*

## JEMPUTAN UNTUK MENYERTAI TENDER (ITT)

Jabatan Tenaga, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam mempelawa syarikat-syarikat yang berkelayakan dan berpengalaman untuk mengemukakan cadangan bagi reka bentuk, pembinaan, operasi dan penyelenggaraan sistem fotovolta suria (PV) atas bumbung yang bersambung ke grid di bangunan-bangunan kerajaan terpilih. Tujuan tender ini adalah untuk melantik kontraktor yang kompeten dan berkeupayaan untuk menyediakan tenaga yang boleh diperbaharui yang kukuh dari segi teknikal, kos efektif dan menepati masa, selaras dengan peralihan tenaga bersih dan komitmen kelestarian Negara Brunei Darussalam.

YURAN TENDER: BND1,000.00
[Tidak Dikembalikan]

YURAN DOKUMEN ELEKTRONIK (Pilihan): B$5.00

PROSEDUR PENDAFTARAN:
Syarikat yang berminat hendaklah mendaftar dengan DOEPMO melalui e-mel ke:
renewable.energy@energy.gov.bn

TARIKH PEMBUKAAN: 05 Mei 2026 (Selasa)

TARIKH AKHIR MENGAMBIL DOKUMEN TENDER: 09 Jun 2026 (Selasa) tidak lewat dari jam 03:30 petang (GMT +8.00)

TARIKH TUTUP: 23 Jun 2026 (Selasa) tidak lewat dari jam 02:00 petang (GMT +8.00)

JABATAN DAERAH BRUNEI DAN MUARA
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Tawaran

**Bilangan dan Tajuk Tawaran**
JDBM / LTK- 001 / 2026
Menaiktaraf Dan Membaik Pulih Tiang Konkrit Serta Mengganti Lantai Dan Gelagar Kayu Sepanjang 463 Meter Bertempat Mukim Tamoi Untuk Tempoh Empat (4) Tahun, Negara Brunei Darussalam.

**Bilangan dan Tajuk Tawaran**
JDBM / LTK - 002 / 2026
Menaiktaraf Jambatan Kayu Sepanjang 405 Meter Kepada Tiang Dan Pak Konkrit Serta Lantai Dan Gelagar Kayu Bertempat Kampung Peramu / Saba Untuk Tempoh Empat (4) Tahun, Negara Brunei Darussalam.

**Bilangan dan Tajuk Tawaran**
JDBM / LTK - 003 / 2026
Menaiktaraf Jambatan Kayu Sepanjang 306 Meter Kepada Tiang Dan Pak Konkrit Serta Lantai Dan Gelagar Kayu Bertempat Kampung Batu Marang, Mukim Mentiri Untuk Tempoh Empat (4) Tahun, Negara Brunei Darussalam.

**Bilangan dan Tajuk Tawaran**
JDBM / LTK-004 / 2026
Pakej Pembaikpulihan Kecemasan 1 Bagi Mukim Saba Dan Mukim Peramu Untuk Tempoh Empat (4) Tahun, Negara Brunei Darussalam.

**Bilangan dan Tajuk Tawaran**
JDBM / LTK-005 / 2026
Pakej Pembaikpulihan Kecemasan 2 Bagi Mukim Mentiri Dan Mukim Tamoi Untuk Tempoh Empat (4) Tahun, Negara Brunei Darussalam.

**Bilangan dan Tajuk Tawaran**
JDBM / LTK-006 / 2026
Pakej Pembaikpulihan Kecemasan 3 Bagi Mukim Sungai Kebun Dan Mukim Burong Pingai Ayer Untuk Tempoh Empat (4) Tahun, Negara Brunei Darussalam.

**Bilangan dan Tajuk Tawaran**
JDBM / LTK-007 / 2026
Pakej Pembaikpulihan Jeti Kampong Ayer Di Bawah Kawalan Jabatan Daerah Brunei Dan Muara Untuk Tempoh Empat (4) Tahun, Negara Brunei Darussalam.

**Bilangan dan Tajuk Tawaran**
JDBM / LTK-008 / 2026
Membekalkan Kayu (Jenis Kapor) Untuk Pemeliharaan Jambatan-Jambatan Kampong Ayer, Negara Brunei Darussalam.

**Bilangan dan Tajuk Tawaran**
JDBM / LTK-009 / 2026
Membekal Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Selama Dua (2) Tahun Bagi Bangunan Jabatan Daerah Brunei Dan Muara, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa,
9 Jun 2026
Jam 2.00 Petang

JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PERDANA MENTERI

**Jemputan Untuk Memberi Tawaran**

**Bilangan Tawaran:**
JPE / LTK / JAN / 001 / 2026

**Tajuk Tawaran:**
Provision of Gas Turbine Air Inlet Catridges At DES Power Station

**Tarikh Tutup:**
9 Jun 2026
Selasa,
(2.00 Petang)

**Yuran Tawaran:**
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

**Tempat Tutup:**
Peti Tawaran / Tender Box
Lembaga Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri,
Lobi Utama,
Aras 1
Bangunan Jabatan Perdana Menteri,
Jalan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan,
BB 3913.
Negara Brunei Darussalam.

**Kelayakan:**
Pembekal Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan

**Kategori:**
Syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan dalam Kategori P05 dan berdaftar di bawah Akta Syarikat-syarikat – Penggal 39 dan memiliki perakuan penubuhan syarikat persendirian yang sah

**Kelas: -**

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperoleh di **Kaunter Unit Tawaran dan Sebut harga, Tingkat Empat (4), Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri.**

**Jemputan Untuk Memberi Tawaran Jabatan Perkhidmatan Elektrik**

**Bilangan Tawaran:**
JPE / LTK / PSP / 008 / 2025

**Tajuk Tawaran :**
Construction Of New 66KV Perdayan Switchyard, Temburong District

**Tarikh Tutup:**
Selasa,
9 Jun 2026
Jam 2.00 Petang

**Yuran Tawaran:**
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

**Tempat Tutup:**
Peti Tawaran
Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri,
Lobi Utama,
Aras 1
Bangunan Jabatan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan,
BB3913,
Negara Brunei Darussalam

**Kelayakan:**
Mempunyai Pendaftaran Syarikat dengan Kementerian Pembangunan dalam **Kelas V dan VI** sahaja dalam Kategori E03 dan mempunyai pekerja yang **berdaftar dengan JPE dalam Kategori E03**.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperoleh dari **Unit Tawaran dan Sebut Harga, Tingkat Empat (4), Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam**

KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI

**Bilangan Tawaran:**
MFA / ICC / 01 / 2026-27

**Tajuk Tawaran:**
Term Contract For Operation And Maintenance Works Of Air-Conditioning System At International Convention Centre, Berakas, Ministry Of Foreign Affairs For A Period Of Three (3) Years - FSOR

**Bayaran Tawaran:**
BND50.00
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa,
16 Jun 2026
Jam 2.00 Petang

JABATAN DAERAH BELAIT
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

**Bilangan Tawaran:**
JDB / BKPD / SH / 04 / 2026

**Tajuk Tawaran:**
Term Contract For Grass Cutting At Certain Area In Belait Under Jabatan Daerah Belait For A Period Of Time Of One (1) Year

**Bilangan Tawaran:**
JDB / BKPD / SH / 05 / 2026

**Tajuk Tawaran:**
One (1) Year Term Contract Of Grass Cutting At Certain Areas In Seria, Sungai Liang And Labi Under Jabatan Daerah Belait

**Bilangan Tawaran:**
JDB / BKPD / SH / 06 / 2026

**Tajuk Tawaran:**
Term Contract For Grass Cutting Under Jabatan Daerah Belait For A Period Of Time Of One (1) Year

**Yuran Tawaran:**
BND 5.00

**Tarikh Tutup:**
Selasa, 9 Jun 2026

JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

**Rujukan Tawaran:**
JKED / TAWARAN / UPA / BHEK / Q / 2026-06

Perkhidmatan Pemotongan Rumput Dan Pokok Serta Pembersihan Secara Berkontrak Selama Satu (01) Tahun Bagi Kawasan Terminal Kontina Muara (MCT), BKPU Muara Dan Perumahan Di Bawah Kawalan Jabatan Kastam Dan Eksais Diraja (Flat Tanjung Batu Dan Perumahan Banglo, Semi Detached Dan Teres Jalan Pelumpong Muara), Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Negara Brunei Darussalam

**Tarikh Tutup:**
Selasa, 9 Jun 2026
Jam 2.00 Petang

JABATAN BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

**Bilangan Tawaran Dan Keterangan Projek :**
05 / BBS / SH / 2026 - 2027
Fabrication, Supply And Installation Signage Of National Crest And Department Lettering Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria

**Dibukakan Kepada Pemborong-pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Negara Brunei Darussalam**

**Yuran Tawaran:**
BND5.00
(Non Refundable)

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa, 2 Jun 2026
Jam 2.00 Petang

## KEMENTERIAN PERTAHANAN

**Bilangan Rujukan Dan Tajuk Tawaran:**
MINDEF / DFA / FY2025 / NAU / AF / TA / 1002
Pembelian Kelengkapan Perabot Bagi Kegunaan Cawangan Markas Kumpulan Latihan, Tentera Udara Diraja Brunei

**Yuran Tawaran:**
BND 30.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu **Selasa, 9 Jun 2026.**

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa,
16 Jun 2026
Jam 2.00 Petang

## JABATAN PENGAJIAN ISLAM KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

**Bilangan Dan Tajuk Tawaran:**
KHEU / JPI / LTN / BT / 10 / 2026-2027
Tawaran Perkhidmatan Pengangkutan Bot Temuai Bagi Sekolah-Sekolah Ugama Di Kawasan Kampong Ayer Di Bawah Kawalan Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama [Keperluan Empat (04) Buah] Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun, Tahun 1447H-1448H / 2026M – 2027M

**Bayaran Yuran Tawaran:**
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa,
2 Jun 2026
Jam 2.00 Petang

## UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT, DIVISYEN PENGURUSAN KORPORAT KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

**Unit Teknologi Maklumat, Divisyen Pengurusan Korporat, Kementerian Pembangunan**

**Notis Sebut Harga**

**Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:**
KPN / IT / 002 / 02.7 / 2026 / Q04
Invitation To Supply, Delivery And Testing Of A3 Color Laserjet Printer For Ministry Of Development

**Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:**
KPN / IT / 002 / 02.7 / 2026 / Q05
Invitation To Supply And Delivery Of Notebook For Ministry Of Development

**Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:**
KPN / IT / 002 / 02.7 / 2026 / Q06
Invitation To Supply, Delivery, Replacement, Installation, Configuration, Testing And Commissioning Of UPS For Ministry Of Development

**Bayaran Bagi Setiap E-Dokumen Sebut Harga:**
BND9.00
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Buka:**
Isnin,
18 Mei 2026

**Tarikh Akhir Pembelian dan Pembayaran:**
Khamis,
4 Jun 2026

**Tarikh Tutup:**
Isnin,
8 Jun 2026
Jam 9.00 Pagi

## JABATAN PENERBANGAN AWAM KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI

**Bilangan dan Tajuk Tawaran:**
ATELS / 2026 / SH / 08
Supply, Delivery And Functional Testing Of EMA-Kilowatt L-Band Transmitter (KLT) & EMA-Receiver Processor Modulator (RPM) For Distance Measuring Equipment (DME 500), Department Of Civil Aviation

**Tarikh iklan / mengambil dokumen Sebut Harga:**
Rabu, 13 Mei 2026

**Tarikh terakhir mengambil dokumen Sebut Harga:**
Selasa, 2 Jun 2026

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**
Rabu, 3 Jun 2026
Tidak lewat jam 2.00 Petang

**Bilangan dan Tajuk Tawaran:**
ATELS / 2026 / SH / 09
Supply, Delivery, Installation, Configuration, Integration & Testing Of New Remote Status Indicator For DVOR/EN-DME, Department Of Civil Aviation.

**Tarikh Iklan / Mengambil Dokumen Sebut Harga:**
Rabu, 13 Mei 2026

**Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Sebut Harga:**
Selasa, 2 Jun 2026

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**
Rabu, 3 Jun 2026
Tidak lewat jam 2.00 Petang

## JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

**Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Dalam**

**Kelas:**
II dan III sahaja

**Kategori:**
KPB05

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DBSBM006 / 2026

**Bil. Projek:**
2026DBSBM / MOD.01

**Nama Projek:**
Kontrak Penggal Dua (2) Tahun Bagi Kerja-Kerja Kawalan dan Pemusnahan Serangga Dan Binatang Pemusnah Bagi Aset Bangunan-Bangunan Di Bawah Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam

**Yuran Tawaran:**
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

**Kelas:**
III dan IV sahaja

**Kategori:**
B01

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DBSBM007 / 2026

**Bil. Projek:**
2026DBSBM / KKBS.01

**Nama Projek:**
Kerja-Kerja Penggantian Atap Di Bangunan Dewan Seni Bela Diri, Kompleks Sukan Menglait, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

**Yuran Tawaran:**
BND50.00
(Tidak dikembalikan)

**Kategori :**
Sijil Pendaftaran Nama-nama Akta Perniagaan (Seksyen 16 &17) & Akta Agensi Keselamatan

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DBSBM008 / 2026

**Bil. Projek**
2026DBSBM / JKR.03

**Nama Projek:**
Kontrak Penggal Dua Belas (12) Bulan Bagi Perkhidmatan Keselamatan Di Kawasan Bengkel Unit Mekanikal, Jalan Bengkurong Masin, Kg. Sinarubai Dan JKR Pool Transport, Bahagian Mekanikal, Jalan Lapangan Terbang Lama, Jabatan Perkhidmatan Mekanikal Dan Elektrikal

**Yuran Tawaran:**
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

**Kelas:**
II dan III sahaja

**Kategori:**
B01

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DBSBM009 / 2026

**Bil. Projek:**
2026DBSBM / JKR.04

## KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**Sebut Harga Bagi Perkhidmatan Café**

**DA / JKSH / 37 / 2026 / 2027 [BPPA-MEI-2026]**
Sebut Harga Perkhidmatan Café Bagi Pusat Perkhidmatan Setempat, Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam. Bagi Tempoh Enam (6) Bulan.

**Bayaran Yuran Sebut Harga:**
BND5.00

**Tarikh Tutup / Waktu:**
Sabtu, 6 Jun 2026
Jam 9.00 Pagi

## JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Tawaran-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam **Kelas II dan ke atas** sahaja dan Kategori Kerja **KPB01** bagi:

**[ i ] Nama Projek:**
Tawaran Semula Kerja-Kerja Penyelidikan Tanah Bagi Cadangan Pembinaan Di Perumahan Negara Kg. Lugu, Fasa 2B, Negara Brunei Darussalam.

**[ ii ] Bil. Projek:**
JKP / 07 / 2026

Tender Information Pack boleh dipohonkan dan didapati dengan menghantar e-mel kepada *tender.jkp@hdd.gov.bn*.

**Tarikh Buka Tawaran:**
13 Mei 2026 (Rabu)

**Tarikh Tutup Tawaran:**
2 Jun 2026 (Selasa)
Tidak lewat jam 2.00 Petang

**Tempat Tutup:**
Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Bawah, Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan, BB3510, Negara Brunei Darussalam.

**Yuran Tawaran:**
BND30.00
[Tidak dikembalikan]

**Yuran E-Dokumen:**
BND5.00 [Tidak dikembalikan]
[Yuran E-Dokumen & Lukisan]

Nama Projek:
Tempat Penyimpanan Sementara Di Bahagian Mekanikal, Jabatan Perkhidmatan Mekanikal Dan Elektrikal, Simpang 272, Jalan Bengkurong Masin, Kampung Sinarubai, Negara Brunei Darussalam

**Yuran Tawaran :**
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup Tawaran :**
Selasa,
16 Jun 2026
Tidak lewat jam 2.00 Petang

# PASTIKAN INOVASI, PENYELIDIKAN, KERJASAMA KEKAL TERAS AMALAN PENDIDIKAN




**PENGARAH Pendidikan Teknik dan juga Ketua Pegawai Eksekutif, Institut Pendidikan Teknikal Brunei semasa berucap pada acara Action Research Showcase 2026.**

**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**
**Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 26 Mei. - Pameran Penyelidikan Tindakan (Action Research Showcase) memberikan peluang penting bukan sahaja untuk mengimbas kembali kemajuan yang telah dicapai, malah untuk meneliti secara kritikal bagaimana inovasi diterjemahkan menjadi amalan yang bermakna di dalam institusi kita.

Ia merupakan platform penting di mana idea-idea diuji, diperhalusi dan diangkat menjadi penyelesaian yang memberi impak langsung kepada pengajaran, pembelajaran serta kerelevanan industri.

Perkara demikian dinyatakan oleh Pengarah Pendidikan Teknik dan juga Ketua Pegawai Eksekutif, Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE), Dr. Awang Haji Mohd. Zamri bin Haji Sabli pada acara Action Research Showcase 2026 berlangsung di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah, hari ini.

Pada saat kita mengemudi landskap global yang sedang berubah dengan pantas, Dr. Awang Haji Mohd. Zamri menekankan, fokus kita tetap jelas iaitu untuk melengkapkan para pelatih kita dengan ketangkasan demi memenuhi permintaan industri, di samping memperjuangkan cabaran kelestarian masa hadapan.

Menurutnya, selaras dengan Wawasan Brunei 2035, pameran ini menunjukkan bagaimana inovasi dalam pedagogi TVET mencipta kesan berantai (*ripple effect*) yang bukan sahaja mengubah bilik darjah kita, malah industri dan komuniti yang kita berkhidmat.

"Apa yang paling mengujakan saya tentang projek-projek yang dibentangkan hari ini adalah kerelevanannya. Di bawah tema tahun ini, 'Industry-Relevant and Green Skills' (Kemahiran Relevan Industri dan Kemahiran Hijau), kita menyaksikan integrasi mantap antara kompetensi sedia pasaran dan inisiatif 'TVET Hijau'.

"Projek-projek ini menjadi bukti kepada pengajaran berasaskan bukti, yang menggabungkan tuntutan industri dengan amalan lestari serta inovatif. Ini jelas menunjukkan bahawa IBTE bukan sekadar seiring dengan keperluan industri, malah menerajui jalan dalam pendidikan yang lestari dan inovatif," katanya.

Pameran ini juga, tambahnya, menekankan kepentingan penyelidikan yang diterajui oleh pengamal (pendidik) dalam memperkukuh kualiti pengajaran dan pembelajaran.

Apabila para pendidik dan pelatih terlibat secara aktif dalam usaha penerokaan dan inovasi, ia memupuk budaya penambahbaikan berterusan dan pertumbuhan profesional. Lebih penting lagi, tegasnya, ia membolehkan institusi seperti IBTE untuk kekal responsif, relevan, dan berpandangan jauh.

Kerjasama dan perkongsian ilmu yang jelas kelihatan melalui platform ini juga amat dipuji. Dengan menghimpunkan para peserta daripada pelbagai program dan disiplin yang berbeza, pameran ini memperkukuh nilai pembelajaran silang (*cross-learning*) serta kemajuan idea secara kolektif yang memberi manfaat bukan sahaja kepada institusi, malah kepada komuniti dan industri yang lebih luas.

Dr. Awang Haji Mohd. Zamri seterusnya menyatakan, usaha para pembentang mencerminkan komitmen yang tinggi terhadap kecemerlangan dan inovasi. Hasil kerja yang dipamerkan hari ini adalah petunjuk jelas tentang potensi yang ada di dalam IBTE untuk menerajui pembangunan amalan pendidikan yang berimpak, selaras dengan industri dan lestari.

Beliau menzahirkan penghargaan atas sumbangan pihak penganjur, fasilitator dan semua pihak berkepentingan yang sokongan serta dedikasi mereka telah menjayakan inisiatif itu. Usaha awda dalam menyediakan platform seperti ini amat penting dalam memacu pertumbuhan dan transformasi institusi.

Melangkah ke hadapan, adalah sangat penting untuk kita terus memperkukuh inisiatif seumpama itu, bagi memastikan inovasi, penyelidikan dan kerjasama kekal menjadi teras kepada amalan pendidikan kita.

# IBTE anjur Action Research Showcase 2026



**PENGARAH Pendidikan Teknik dan juga Ketua Pegawai Eksekutif, Institut Pendidikan Teknikal Brunei hadir selaku tetamu kehormat serta menyampaikan hadiah kepada para pemenang (atas kanan dan atas).**



**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 26 Mei. - Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) melalui Akademi TVET, hari ini telah menganjurkan Action Research Showcase 2026 bertempat di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pemenang Kajian Tindakan Terbaik ialah Pengarah Pendidikan Teknik / Ketua Pegawai Eksekutif, Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE), Dr. Awang Haji Mohd. Zamri bin Haji Sabli.

Pemenang bagi program Sijil Pendidikan Teknikal dan Diploma Pendidikan Teknikal dimenangi oleh Awang Muhammad bin Karim dari Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) di tempat pertama dengan tajuk kajian 'Enhancing Students' Understanding of the Relationship between Current, Voltage and Resistance Through Guided Use of PhET Simulations' diikuti dengan Awang Amir bin Malik dari ABDB di tempat kedua dengan kajian bertajuk 'Improving Formal Communication (Terasul) Through Structured Role Play Activities' dan pemenang ketiga pula ialah kajian 'Enhancing Tourism Students' Communication Clarity through Music-Based Vocal Warm-up and Articulation Drills' oleh Pengiran Abd. Basit bin Pengiran Haji Matzin dari Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB).

Sementara tiga lagi pemenang teratas bagi Diploma in Technical Education adalah Humaidah Dato Paduka Dr. Haji Muhammad Nur Lubis dari Politeknik Brunei dengan tajuk kajian tindakannya 'Enhancing Mechanistic Reasoning Skills and Mechanistic Representation in SN1/SN2 Nucleophilic Substitution among Level 5 Diploma in Applied Science Students through Scaffolded Game-Based Learning in Organic Chemistry'.

Tempat kedua ialah Pengiran Muhammad Azmi bin Pengiran Haji Zainal Abidin dari IBTE dengan tajuknya 'Enhancing Sustainable Resource Management Practices through Structured Peer Learning in TVET Barista Training' dan tajuk 'Enhancing Students Understanding of pH Analysers Through Scenario-Based Learning in a Water Treatment Context' oleh Andrew Teo Kui Huang juga dari IBTE memenangi di tempat ketiga.

Program berkenaan menghimpunkan para pelatih, tenaga pengajar, pemimpin sekolah, serta pihak berkepentingan yang dijemput bagi meraikan inovasi dan kecemerlangan dalam Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

Terdahulu, Pensyarah Modul Penyelidikan Tindakan untuk Guru (ACRT) (Lecturer, Action Research for Teachers (ACRT) Module), Jane Ting dalam ucapan alu-aluannya berkata bahawa pameran tersebut bermula sebagai satu visi di dalam Akademi TVET tahun lalu, diilhamkan oleh kualiti pandangan, rasa ingin tahu dan refleksi yang ditunjukkan semasa pameran dalaman. Tahun ini, pihaknya membawakannya kepada khalayak yang lebih luas untuk berkongsi bukan sahaja hasil daripada Kajian Tindakan (Action Research) tetapi juga potensi yang dibawanya.

Katanya lagi, penyelidikan itu sesuatu yang hebat dan penyelidikan membolehkan kita memahami dunia yang semakin kompleks. Dengan perkembangan pesat Kecerdasan Buatan (AI), kepentingan kelestarian yang kian meningkat dan tuntutan industri yang sentiasa berubah, kini adalah masa yang paling mencabar buat para pendidik untuk kekal seiring dengan perkembangan ini.

Bagi sebuah institusi TVET seperti IBTE, ini merupakan satu peluang dan salah satu matlamat strategik IBTE adalah untuk memperkukuh kualiti pengajaran dan pembelajaran.

"Perkara ini tidak berlaku secara kebetulan. Ia bermula dengan kualiti para pendidik kita iaitu keupayaan mereka untuk mencerminkan diri, menyesuaikan diri, mengemukakan soalan yang lebih baik dan membuat keputusan berasaskan bukti.

"Di sinilah kajian tindakan menjadi sangat penting. Melalui kajian tindakan, para pendidik melangkah lebih jauh daripada sekadar menyampaikan pengajaran kepada menyiasat proses pembelajaran, memahami cabaran di dalam bilik darjah, dan menjadi penyelesai masalah dalam amalan mereka sendiri," jelasnya.

Sepanjang empat hingga lima bulan yang lalu, ujarnya, kajian tindakan telah membantu pelatih mereka berkembang sebagai pendidik yang penuh rasa ingin tahu, reflektif dan dipandu oleh bukti.

Tambahnya, ia mendorong mereka untuk lebih memahami perspektif pelajar, keluar dari zon selesa untuk meneroka tema-tema baharu seperti AI dan kelestarian, serta menggunakan bukti untuk menambah baik pengajaran mereka dengan cara yang lebih sistematik dan bermakna. Itulah makna sebenar pembangunan profesional.

Showcase tersebut menjadi platform bagi pelatih Program Diploma Pendidikan Teknikal (DTE) dan Program Sijil Pendidikan Teknikal (CTE) untuk membentangkan projek penyelidikan tindakan mereka serta berkongsi penyelesaian pengajaran yang inovatif dalam menangani cabaran industri dan kelestarian semasa.

Penganjuran *showcase* ini adalah selaras dengan Pelan Strategik IBTE 2025-2030 serta menyokong aspirasi negara di bawah Wawasan Brunei 2035 melalui penggalakan amalan pengajaran berasaskan bukti, pembangunan mampan, integrasi kemahiran hijau dan kompetensi yang relevan dengan industri.

Tema tahun ini, 'Action Research in TVET : Industry-Relevant & Green Skills', mencerminkan komitmen IBTE dalam melahirkan pendidik dan pengamal yang bersedia menghadapi masa depan serta mampu menyumbang secara bermakna kepada tenaga kerja yang sentiasa berkembang dan amalan lestari.

Acara ini menampilkan pembentangan poster, pameran projek pelatih, penyampaian hadiah bagi projek penyelidikan tindakan terbaik, serta peluang jaringan profesional dalam kalangan peserta dan tetamu jemputan.

Program ini turut menampilkan pembentangan utama oleh penceramah jemputan iaitu Timbalan Pengarah Hal Ehwal Profesional dan Pengurus Penyelidikan, Pusat Serantau SEAMEO VOCTECH, Dr. Paryono yang menyampaikan perkongsian mengenai 'Kemahiran Hijau dan Inovasi dalam TVET' dan Dr. Vincent Andrew daripada Akademi Kepimpinan dan Guru Brunei Darussalam (BDLTA), yang berkongsi pandangan mengenai usaha menjadikan penyelidikan tindakan sebagai penerbitan ilmiah.

Action Research Showcase ini diharapkan dapat terus memperkukuhkan kerjasama dalam kalangan pendidik, mempromosikan inovasi yang diterajui oleh pengamal, serta memberi inspirasi kepada penambahbaikan berterusan dalam pedagogi TVET di seluruh institusi IBTE.

Pelita Brunei

# ANAK TEMPATAN HARUMKAN NAMA NEGARA

Berita dan Foto : Ihsan Mohammad Zafren Mohd. Said








**AWANG Mohammad Zafren bin Mohd. Said harumkan nama Negara Brunei Darussalam dengan meraih pingat emas pada pertandingan berprestij World Chef Championship di Persada Johor International Convention Centre baru-baru ini (atas kiri dan atas tengah). Beliau berjaya memenangi Kategori Special Fried Rice menerusi hasil ciptaan unik dan penuh identiti tempatan iaitu Nasi Goreng Kampong Ayer (atas kanan).**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 26 Mei. - Anak tempatan, Awang Mohammad Zafren bin Mohd. Said berjaya mengharumkan nama Negara Brunei Darussalam (NBD) apabila meraih pingat emas dalam pertandingan berprestij World Chef Championship yang berlangsung di Persada Johor International Convention Centre dari 21 hingga 23 Mei yang lalu.

Beliau berjaya memenangi Kategori Special Fried Rice menerusi hasil ciptaan unik dan penuh identiti tempatan iaitu Nasi Goreng Kampong Ayer.

Kejayaan tersebut bukan sahaja membuktikan kreativiti serta kemahiran beliau dalam dunia kulinari, malah turut membawa nama Kampong Ayer ke persada dunia sebagai warisan budaya dan masakan yang membanggakan.

Hidangan istimewa yang diketengahkan oleh Awang Mohammad Zafren berjaya menawan hati para juri antarabangsa melalui gabungan rasa autentik NBD, teknik masakan profesional serta persembahan moden yang memukau.

Nasi Goreng Kampong Ayer berkenaan diinspirasikan daripada kehidupan masyarakat di Kampong Ayer yang kaya dengan tradisi, kesederhanaan dan nilai budaya Melayu NBD. Pencapaian itu dianggap sebagai satu kejayaan besar dalam dunia gastronomi negara dan membuktikan bahawa anak tempatan mampu bersaing di peringkat antarabangsa.

Kejayaan tersebut juga diharap dapat membuka mata dunia terhadap keunikan masakan tradisional tempatan, khususnya warisan Kampong Ayer yang terkenal sebagai 'Venice of the East'.

Dalam pertandingan yang sama, hidangan Ayam Masak Merah tempatan turut meraih pingat emas dalam Kategori Brunei Street Hawker.

Sebagai seorang cef dan anak jati tempatan, Awang Mohammad Zafren menyatakan bahawa kemenangan tersebut merupakan hadiah buat rakyat NBD serta semua pihak yang sentiasa memberikan sokongan terhadap usaha beliau dalam memartabatkan seni masakan tempatan.

Beliau turut berharap agar lebih ramai generasi muda tampil berani membawa budaya serta makanan tradisional NBD ke pentas dunia. Kejayaan tersebut sekali gus membuktikan bahawa masakan bukan sekadar makanan, malah menjadi medium perpaduan budaya, identiti bangsa dan kebanggaan sesebuah negara.




# Imbangan perdagangan catat lebihan BND597.0 juta




Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 25 Mei. - Imbangan perdagangan mencatatkan lebihan sebanyak BND597.0 juta, iaitu meningkat sebanyak 21.4 peratus, berbanding Mac 2025.

Peningkatan berkenaan adalah didorong oleh prestasi perdagangan yang kukuh dengan jumlah perdagangan meningkat sebanyak 35.4 peratus, kepada BND2,722.6 juta. Peningkatan tersebut disumbangkan oleh peningkatan bagi kedua-dua eksport dan import masing-masing sebanyak 32.7 peratus dan 40.0 peratus.

Jumlah eksport sebanyak BND1,659.8 juta adalah terutamanya disumbangkan oleh bahan api galian sebanyak 78.6 peratus, diikuti oleh bahan kimia sebanyak 19.8 peratus.

Pasaran eksport utama adalah Australia sebanyak 31.2 peratus, diikuti oleh Republik Singapura dan Republik Rakyat China, masing-masing sebanyak 14.2 peratus. Komoditi eksport terbesar ke negara-negara berkenaan adalah bahan api galian dan bahan kimia.

Manakala, nilai import adalah sebanyak BND1,062.8 juta, terutamanya disumbangkan oleh bahan api galian sebanyak 75.9 peratus, diikuti oleh jentera dan kelengkapan pengangkutan sebanyak 6.7 peratus, dan makanan sebanyak 6.4 peratus.

Sumbangan terbesar rakan dagangan import adalah dari Republik Singapura sebanyak 52.4 peratus, diikuti oleh Australia sebanyak 14.3 peratus, dan Malaysia sebanyak 11.2 peratus. Komoditi import utama daripada rakan dagangan adalah bahan api galian.

Import mengikut kategori penggunaan akhir digunakan untuk pemprosesan barangan perantaraan sebanyak 57.5 peratus, diikuti oleh barangan modal bagi operasi perniagaan sebanyak 40.0 peratus, dan barangan penggunaan bagi kegunaan isi rumah sebanyak 2.5 peratus.

Berbanding Februari 2026, jumlah perdagangan meningkat sebanyak 88.6 peratus pada bulan Mac 2026, didorong oleh peningkatan eksport sebanyak 70.1 peratus dan import sebanyak 127.2 peratus.

Laporan Perangkaan Perdagangan Barangan Antarabangsa bagi Mac 2026 boleh didapati melalui laman sesawang JPES di *https://deps.mofe.gov.bn*.





# Hadirnya Aidiladha membawa seribu rahmat

**Oleh : Nurdiyanah Rajami**
**Foto : Nurdiyanah Rajami, Ihsan Darussalam Services Sendirian Berhad**

**APABILA** tiba bulan Zulhijah iaitu bulan terakhir dalam takwim Islam pastinya memiliki keistimewaan yang tersendiri di mana tiga perkara penting yang berlaku pada seluruh umat Islam iaitu ibadah haji, Hari Raya Aidiladha dan ibadah korban.

Bagi jutaan umat Islam yang terpilih menjadi *dhuyufurrahman* menjejakkan kaki ke kota suci Madinah Al-Munawwarah dan Makkah Al-Mukaramah semestinya merasai ia suatu perjalanan suci yang tiada tolok bandingnya demi menyempurnakan tuntutan terakhir daripada Rukun Islam ke-5 iaitu menunaikan ibadah haji. Sebaik tiba 10 Zulhijah, umat Islam berpeluang meraikan Hari Raya Aidiladha iaitu perayaan yang dibesarkan dengan adanya pensyariatan ibadah korban.

**Hadirnya Aidiladha membawa seribu rahmat**

Sesungguhnya hadirnya Aidiladha membawa seribu rahmat dan kelebihan di mana bersamanya tersimpan kisah yang memaparkan tingginya nilai pengorbanan agung Nabi Ibrahim Alaihissalam dan Nabi Ismail Alaihissalam dalam membuktikan jiwa ketaatan dan kehambaan kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Sebenarnya ibadat korban ini memperingatkan kita tentang sejarah agung atau peristiwa pengorbanan Nabi Ibrahim Alaihissalam yang telah diperintahkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala untuk menyembelih putera Baginda, Nabi Ismail Alaihissalam. Ia merupakan suatu pengorbanan yang benar-benar menguji keimanan dan kesabaran mereka berdua. Perintah yang amat berat itu telah dilaksanakan di atas dasar iman dan takwa yang dilakukan tanpa ragu-ragu atau waswas walaupun cuba dipengaruhi oleh iblis laknatullah. Atas dasar ketaatan dan ketulusan kedua anak beranak tersebut, maka Allah Subhanahu Wata'ala akhirnya telah memerintahkan agar Nabi Ismail Alaihissalam itu digantikan dengan seekor kibasy.

Begitu mulia dan luhurnya ketaatan Nabi Ibrahim Alaihissalam yang rela mengorbankan anaknya, Nabi Ismail Alaihissalam meskipun begitu lama Baginda dan isterinya Siti Hajar mengharapkan kehadiran seorang anak dalam kehidupan mereka.

Daripada detik kisah pengorbanan agung dalam lembaran sejarah Islam itulah datangnya syariat ibadah korban binatang ternakan yang perlu dilaksanakan oleh kaum Muslimin bersempena setiap menjelangnya Hari Raya Aidiladha. Gabungan sejarah pengorbanan dan tuntutan berkorban inilah yang menjadikan Aidiladha mampu memberi kesan yang mendalam pada jiwa insan-insan yang menghayatinya.

Perkataan 'Aidiladha' berasal daripada bahasa Arab yang bermaksud 'hari penyembelihan korban'. Ibadah korban pula dikatakan sebagai *al-udhhiyah* yang bermaksud apa yang disembelih itu adalah sebagai *taqarrub* iaitu mendekatkan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

**Hikmah di sebalik pelaksanaan ibadah korban**

Hukum ibadah korban adalah sunat *muakkadah* iaitu sunat yang dituntut bagi orang yang mengerjakan ibadah haji dan bagi mereka yang beragama Islam, baligh, berakal dan berkemampuan. Sementara itu, ibadah korban itu akan menjadi wajib apabila dinazarkan dan bagi mereka yang melambatkan sembelihan korban yang wajib daripada waktunya adalah dihukumkan haram.

Sehubungan itu, umat Islam dituntut untuk melakukan ibadah korban iaitu menyembelih binatang ternak seperti unta, kambing, kerbau atau lembu bermula pada 10 Zulhijah iaitu selepas menunaikan Sembahyang Sunat Hari Raya Aidiladha hinggalah 13 Zulhijah.

Jika kita hayati sejarah pensyariatan ibadah korban ini, setentunya ia akan menyuntik semangat dan usaha kita dalam mentaati perintah Allah Subhanahu Wata'ala untuk menyembelih binatang korban di Hari Raya Aidiladha atau hari-hari tasyrik.

Ketahuilah bahawa amalan berkorban adalah juga sebagai tanda syukur kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala terhadap nikmat dan kesenangan hidup yang telah dikurniakan-Nya. Kerana itu bagi orang yang mempunyai kelebihan rezeki dan mampu untuk melaksanakan ibadat korban, maka laksanakanlah ibadat korban. Sesungguhnya ibadat korban merupakan pelaburan di dunia dan hasil keuntungannya akan diperoleh di akhirat kelak.

Hikmah dan kelebihan ibadah korban juga ialah dapat mengeratkan hubungan silaturahim sesama kita, dapat mendidik jiwa dan hati kita untuk bersikap pemedulian dan prihatin, suka membantu dan bekerjasama dan seterusnya dapat melatih diri untuk gemar dan suka bersedekah. Sikap inilah yang sebenarnya akan dapat membentuk sebuah masyarakat yang harmoni kerana daripada pemberian daging korban itu sudah tentu ia akan menggembirakan hati orang yang menerimanya.

**Tadahan doa mohon reda Ilahi**

Dalam kesempatan ini, marilah kita terus menadah tangan memohon ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala agar *dhuyufurrahman* tanah air kita serta seluruh Muslimin dan Muslimat yang mengerjakan haji pada tahun ini dikurniakan keselamatan, kesihatan yang berpanjangan, dipermudahkan segala urusan sepanjang berada di tanah suci dengan dikurniakan ibadah haji mabrur serta selamat kembali ke tanah air dengan penuh keberkatan.

Begitu juga, bagi kita yang berada di tanah air pula, teruslah memanjatkan doa kepada Allah Ar-Razzaq untuk membuka pintu-pintu kebaikan termasuk rezeki menunaikan ibadah haji dan umrah pada setiap tahun dalam sebaik-baik keadaan dan waktu bersama insan-insan tersayang.



# MEMANTAPKAN KEFAHAMAN HUKUM TAJWID DALAM BACAAN SURAH AL-FATIHAH

**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**
**Foto : Azmah Haji Ahad**



**BENGKEL Surah Al-Fatihah bagi Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid, Muslimah dan Jemaah Masjid bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi.**

**TEMBURONG**, Isnin, 25 Mei. - Kita harus men*tadabbur* (memahami / mengenali) Surah Al-Fatihah berikutan ia merupakan surah yang paling awal diajarkan/diperkenalkan dan surah yang paling selalu *kitani* baca sama ada dalam sembahyang, selepas sembahyang, sebelum membaca doa seperti bacaan Doa Selamat, dalam majlis-majlis seperti Tahlil, Majlis Khatam, majlis-majlis rasmi dan lain-lain lagi serta dalam perubatan seperti merawat dan sebelum kita makan ubat.

Al-Fatihah bermaksud 'Pembukaan'. Nama-nama lain bagi Surah Al-Fatihah ialah As-Sab'ul Matsaniy bermaksud 'Tujuh' (tujuh ayat) yang diulang-ulang. Al-Asas yang bermaksud 'Asas' (semua orang tahu) dan juga Asy-Syifa yang bermaksud 'Ubat'.

Demikian antara penerangan yang dihuraikan oleh Imam Tingkat III, Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar, Daerah Temburong, Awang Norezam bin Haji Zaini dalam Bengkel Surah Al-Fatihah bagi Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid, Muslimah dan Jemaah Masjid bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi bertempat di masjid berkenaan, di sini.

Menurut Awang Norezam, Surah Al-Fatihah mempunyai sebanyak tujuh ayat dan terletak di pembukaan (paling awal) dalam Al-Quran. Surah Al-Fatihah diturunkan di Mekah dan Malaikat Jibril Alaihissalam mengajarkan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Surah Al-Fatihah di Mekah. Surah Al-Fatihah katanya, adalah dalam bahasa Arab dan wajib (mesti) dibaca semasa sembahyang dan tidak sah sembahyang seorang itu jika tidak membaca Surah Al-Fatihah.

"Surah Al-Fatihah wajib (mesti) dibaca dalam solat dan tidak sah solat kalau tidak membaca Surah Al-Fatihah kerana membaca Al-Fatihah adalah rukun dalam setiap rakaat, baik solat wajib mahupun sunat, baik dibaca secara keras (*jahr*) mahupun kecil (*sir*), bagi Imam, orang yang solat sendirian dan makmum.

"Membaca Al-Fatihah adalah wajib dalam solat dan merupakan rukun solat yang mana solat itu tidak sah tanpanya. Ini adalah pendapat yang masyhur daripada Imam Ahmad, yang juga merupakan pendapat Imam Malik, Ats-Tsauri, Asy Syafi'i. Membaca Al-Fatihah boleh batal kerana beberapa kesalahan, yang mengakibatkan batalnya satu rakaat atau solat secara keseluruhan antara menghilangkan salah satu huruf daripada huruf-hurufnya yang terdiri daripada 138 huruf," jelasnya.

Selain itu, tambahnya, menghilangkan *tasydid* (*syaddah*) daripada huruf-huruf yang seharusnya dibaca dengan *tasydid*. Al-Fatihah memiliki 14 huruf yang dibaca tasydid. Sebahagian orang tidak menghilangkan *syaddah* tetapi membacanya dengan lemah dan ringan. Terdapat dua pendapat mengenai apakah solat batal kerana kesalahan ini.

Seterusnya, mengganti satu huruf dengan huruf yang lain. Hal ini terbagi menjadi dua iaitu jika huruf diganti dengan huruf lain dan huruf pengganti tersebut terdapat dalam bacaan lain yang sahih dan tetap, maka solat tidak batal. Jika huruf yang diganti dengan huruf lain dan tidak ada bacaan lain yang sahih, maka solat menjadi batal kerana Al-Fatihah adalah rukun solat, sehingga harus dibaca dengan lengkap.

Dalam 'Bab Impak Kesalahan Sebutan / Tajwid Yang Boleh Mengubah Makna Perkataan' pula, setelah kita mengetahui jenis-jenis kesalahan yang dapat membatalkan sembahyang, perlu diketahui bahawasanya orang yang salah dalam membaca Al-Fatihah, jika dia salah kerana tidak mampu, maka sembahyangnya tetap sah.

Namun, dia tetap harus diajari Al-Fatihah dan berusaha keras untuk mempelajarinya. Berusaha belajar dan bacalah mengikut bacaan qiraat yang kita pakai iaitu Riwayat Hafs 'An 'Aasim meskipun jikalau dibaca qiraat yang lain tidak membatalkan sembahyang.

Dalam pembentangan bengkel tersebut Awang Norezam seterusnya menjelaskan pengajaran Surah Al-Fatihah adalah petunjuk bagi yang menghendaki kebersamaan hamba dengan pencipta-Nya dan orang yang menyedari akan pentingnya petunjuk Surah Al-Fatihah akan memberi nilai tambah dalam menjalani apa-apa jenis pekerjaan di dunia agar sentiasa berjalan di atas jalan yang benar.

Surah Al-Fatihah adalah sandaran agar tidak berputus asa dalam mencari kehidupan kerana itu semua bergantung kepada Yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang. Surah Al-Fatihah menerangi jalan untuk bermunajat kepada Allah Subhanahu Wata'ala dalam meminta dan memohon kepada-Nya.

Selain Surah Al-Fatihah boleh dijadikan panduan dalam berdoa agar mudah diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala, ia juga mengajar adab-adab bermuamalah dengan Allah serta sebagai penerang kepada jalan yang baik agar dijauhkan dari jalan yang buruk.

Adapun bengkel tersebut dianjurkan secara kolaborasi bersama Bahagian Imarah, Jabatan Hal Ehwal Masjid KHEU, Ahli Jawatankuasa Takmir (AJKT) Masjid Utama Mohammad Salleh Pekan Bangar, Daerah Temburong dan Pejabat Hal Ehwal Masjid Daerah Temburong.

Surah Al-Fatihah merupakan surah pertama dalam Al-Quran dan menjadi bacaan wajib dalam setiap rakaat sembahyang fardu serta sembahyang sunat. Oleh itu, bacaan Surah Al-Fatihah yang betul dari segi tajwid, makhraj dan 'fasahah' adalah penting bagi setiap Muslim, khususnya generasi muda sebagai pewaris agama.

Dalam usaha untuk meningkatkan kefahaman, penghayatan serta mutu bacaan Surah Al-Fatihah dalam kalangan masyarakat Islam, penganjuran bengkel ini adalah langkah yang wajar dan bertepatan.

Melalui bengkel ini, peserta akan diberi pendedahan secara teori dan praktikal tentang teknik bacaan yang betul. Selain itu, ia juga mencerminkan usaha berterusan masyarakat dalam menyemarakkan aktiviti keagamaan dan menjadikan Al-Quran sebagai panduan hidup yang utama.

Objektif program antara lain bagi meningkatkan kefahaman tentang hukum tajwid dalam bacaan Surah Al-Fatihah dan memantapkan sebutan makhraj huruf dan tajwid dalam bacaan sembahyang.

Selain memberi pendedahan praktikal melalui pertandingan bacaan, ia juga diharap dapat mengeratkan silaturahim sesama ahli jawatankuasa dan Muslimah masjid di samping melahirkan contoh pembaca Al-Fatihah yang baik dalam kalangan AJKT dan Muslimah serta jemaah masjid.

Semoga bengkel tersebut menjadi satu langkah penting dalam meningkatkan mutu bacaan Al-Fatihah dalam kalangan AJKT, Muslimah dan jemaah masjid serta orang ramai serta ia dapat memberi impak positif kepada kualiti ibadah khususnya solat dan menjadi contoh kepada masyarakat Islam yang lain.

# 10 pelajar SMSAB terima sijil



**MAJLIS Penyampaian Sijil bagi meraikan pencapaian para pelajar yang telah menyempurnakan aktiviti pembungkusan rempah-ratus untuk Syarikat Sabli Food Industries (B) Sdn. Bhd. bagi tahun 2025.**

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 25 Mei. - Sekolah Menengah Sayyidina Abu Bakar (SMSAB) menganjurkan Majlis Penyampaian Sijil bagi meraikan pencapaian para pelajar yang telah menyempurnakan aktiviti pembungkusan rempah-ratus untuk Syarikat Sabli Food Industries (B) Sdn. Bhd. bagi tahun 2025.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Ketua Unit Pendidikan Kerjaya, Dr. Andree Asmara bin Haji Abidin, yang menyampaikan sijil penyertaan yang disediakan oleh pihak Jabatan Sekolah-Sekolah (JSS) bersama dengan Syarikat Sabli Food Industries Sdn. Bhd. kepada 10 pelajar terpilih daripada Program Pra-Vokasional Tahun 8, Tahun 9 dan Tahun 11.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Pengurus Syarikat Sabli Food Industries (B) Sdn. Bhd., Awang Haji Mohd. Nooh bin Orang Kaya Maharaja Dinda Haji Saman; Pengetua SMSAB, Dayang Hajah Khadijah binti Haji Awang Mohd. Salleh; timbalan-timbalan pengetua serta seorang pegawai dari Jabatan Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan, guru-guru dan para pelajar yang diraikan.

Dalam ucapan beliau, Dayang Hajah Khadijah merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Sabli Food Industries (B) Sdn. Bhd. dan JSS atas aktiviti pembungkusan rempah-ratus ini. Projek kolaborasi tersebut telah dilaksanakan sejak tahun 2015 di beberapa buah sekolah menengah kerajaan terpilih, di mana SMSAB bertindak sebagai sekolah peneraju bagi projek berkenaan.

Beliau berharap agar projek kerjasama ini dapat diteruskan pada masa hadapan memandangkan ia membantu membina kemahiran kebolehpasaran (*employability*) pelajar, di samping membolehkan mereka menimba pengalaman kerja sebagai persediaan sebelum menjalani penempatan latihan kerja dan memasuki alam pekerjaan sebenar selepas tamat program.

Beliau turut menambah bahawa sijil tersebut amat bernilai untuk portfolio peribadi masa depan pelajar serta sebagai bukti pencapaian mereka sepanjang menuntut di sekolah ini.

Pada penghujung majlis, Pengetua SMSAB menyampaikan cenderamata kepada tetamu kehormat dan Pengurus Syarikat Sabli Food Industries (B) Sdn. Bhd. sebagai tanda penghargaan.

Aktiviti pembungkusan rempah-ratus ini merupakan projek kolaborasi antara Syarikat Sabli Food Industries (B) Sdn. Bhd. dan JSS, Kementerian Pendidikan, sejak tahun 2015. Ia bertujuan untuk membina kemahiran kebolehpasaran dan memberikan pengalaman kerja kepada pelajar di sekolah menengah kerajaan yang terpilih.

Pada masa ini, terdapat empat buah sekolah menengah kerajaan terpilih yang melaksanakan projek ini, khususnya SMSAB, Sekolah Menengah Katok, dan Sekolah Menengah Pengiran Isteri Hajah Mariam.

Aktiviti pembungkusan ini merupakan sebahagian daripada Program Simulasi Kerja di bawah kendalian pihak Unit Pendidikan Kerjaya, JSS, Kementerian Pendidikan.

# SUNTIK SEMANGAT KEPIMPINAN, TANGGUNGJAWAB, KEYAKINAN DIRI PELAJAR

**Berita dan Foto : Ihsan Abdul Aziz Pandin**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 25 Mei. – Sekolah Menengah Sayyidina Husain (SMSH) telah mengadakan Majlis Pembubaran Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) Sesi 2025/2026 serta Majlis Pelantikan MPP dan PRS bagi Sesi 2026/2027 yang berlangsung di dewan serbaguna sekolah berkenaan.

Majlis berkenaan dihadiri oleh Pengetua SMSH, Dayang Nor'izzah binti Haji Othman, selaku tetamu kehormat majlis, bersama guru-guru serta para pelajar Tahun 7 dan Tahun 9.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh MPP Muhammad Harraz Al Absyarr bin Zaini dari Tahun 7 Juara. Majlis diteruskan dengan acara pembubaran dan penyampaian sijil penghargaan kepada Ahli-ahli MPP dan PRS Sesi 2025/2026 sebagai tanda penghargaan atas jasa dan sumbangan mereka sepanjang memegang amanah kepimpinan sekolah.

Majlis kemudian diteruskan dengan pelantikan Ahli-ahli PRS Sesi 2026/2027 yang disempurnakan oleh Timbalan Pengetua Akademik, Sia Ai Kim, diikuti dengan Lafaz Ikrar PRS sebagai simbol komitmen dalam membantu membimbing rakan sebaya dan mewujudkan persekitaran sekolah yang positif.

Seterusnya, pelantikan Ahli-ahli MPP Sesi 2026/2027 telah disempurnakan oleh Timbalan Pengetua Pentadbiran, Awang Zulidi bin Haji Mahali, sebelum para Ahli MPP yang baharu melafazkan ikrar mereka untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan penuh dedikasi dan integriti.

Turut berlangsung ialah penyampaian surat pelantikan bagi Ahli Jawatankuasa Tinggi (AJKT) PRS dan MPP oleh pengetua sekolah.

Majlis diakhiri dengan bacaan Surah Al-'Asr yang diketuai oleh PRS Muhammad Amirul Adam Adrian bin Mohamad Norasri dari Tahun 9 Rajin, diikuti sesi bergambar ramai.

Penganjuran majlis berkenaan diharap dapat menyuntik semangat kepimpinan, tanggungjawab serta keyakinan diri dalam kalangan pelajar agar mereka mampu menjadi contoh teladan dan pemimpin muda yang berwibawa di sekolah.



**SESI gambar ramai pada Majlis Pembubaran Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) Sesi 2025/2026 serta Majlis Pelantikan MPP dan PRS bagi Sesi 2026/2027.**




**AHLI-ahli MPP yang baharu melafazkan ikrar mereka untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan penuh dedikasi dan integriti.**







Foto : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland

## Udang Masak Tempoyak

### RPN Kampung Rimba

**BAHAN-BAHANNYA :**

Udang segar
5 biji bawang merah
4 ulas bawang putih
5 / 6 tangkai lada besar hijau dan merah (ikut kepedasan yang disukai)
6 / 8 tangkai lada Thailand (ikut kepedasan yang disukai)
2 / 3 inci kunyit hidup
1 batang serai (diketuk)
4 sudu makan tempoyak (ikut selera yang diingini)
Garam dan serbuk perasa secukupnya Minyak, Air

**CARA-CARA MEMASAK :**

Kisar halus bawang merah dan bawang putih manakala lada besar hijau, merah, lada Thailand dan kunyit hidup dikisar kasar. Kemudian panaskan minyak, tumiskan bawang yang telah dikisar hingga wangi. Setelah itu, masukkan bahan yang dikisar kasar tadi bersama serai dan tumiskan sehingga agak garing atau pecah minyak. Kemudian masukkan tempoyak dan air lalu gaul rata dan masak sehingga pekat. Akhir sekali masukkan udang, garam, serbuk perasa gaul rata sehingga udang berkenaan masak. Siap untuk dihidang.

BERITA GLOBAL

# PUTIN TANDATANGAN UNDANG-UNDANG BENARKAN TENTERA LINDUNGI RAKYAT PERSEKUTUAN RUSIA DI LUAR NEGARA

**MOSCOW**, 26 Mei. - Presiden Persekutuan Rusia Vladimir Putin menandatangani undang-undang yang membenarkan penggunaan tentera Persekutuan Rusia bagi melindungi rakyatnya yang disabitkan kesalahan atau ditahan oleh mahkamah asing atau tribunal antarabangsa, menurut dokumen yang diterbitkan di portal akta perundangan pada Isnin, lapor Xinhua.

Dokumen itu menyatakan bahawa angkatan tentera Persekutuan Rusia boleh, dalam bidang kuasa mereka dilibatkan bagi melindungi rakyat Persekutuan Rusia yang ditangkap, ditahan atau didakwa berdasarkan keputusan mahkamah asing yang bertindak bagi pihak negara lain tanpa penyertaan Persekutuan Rusia, serta bidang kuasanya tidak berasaskan perjanjian antarabangsa yang melibatkan Persekutuan Rusia atau resolusi Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Undang-undang itu dijangka dikuat kuasa sepuluh hari selepas penerbitan rasminya. - ©BERNAMA

# Ahmadou Al Aminou Lo dilantik Perdana Menteri Senegal

**BAMAKO,** Mali, 26 Mei. - Presiden Senegal Bassirou Diomaye Faye pada Isnin melantik Ahmadou Al Aminou Lo sebagai Perdana Menteri, sekali gus menyerahkan kepimpinan kerajaan kepada seorang ahli ekonomi dan penjawat awam kanan yang terkenal menerusi kerjayanya di Bank Pusat Negara-Negara Afrika Barat (BCEAO), lapor Anadolu Ajansi.

Lo, 60, ialah bekas pengarah kebangsaan BCEAO di Senegal, jawatan yang disandangnya dari 2018 hingga 2023.

Profil beliau berbeza daripada ramai tokoh politik terkemuka lain kerana ketua kerajaan baharu itu lebih sinonim dengan kelompok teknokrat dan kewangan berbanding politik barisan hadapan.

Sejak Faye berkuasa pada 2024, Lo memegang beberapa jawatan strategik.

Beliau kali pertama dilantik sebagai menteri dan setiausaha agung kerajaan, yang menyelia penyelarasan tindakan kerajaan serta persediaan mesyuarat Kabinet.

Pada April 2025, beliau dilantik sebagai menteri di Jabatan Presiden yang bertanggungjawab memantau, mengarah dan menilai Agenda Transformasi Nasional Senegal 2050.

Dalam kenyataan awamnya, Lo memperjuangkan pendekatan berasaskan disiplin fiskal dan transformasi ekonomi.

Beliau berhujah bahawa kerajaan boleh "memulihkan keadaan ekonomi dalam tempoh 24 bulan" sekiranya semua pihak berkepentingan mengamalkan "pendekatan tegas dan berdisiplin dari segi kewangan".

Dikenali dengan kepakaran dalam makroekonomi, kawal selia perbankan dan pasaran kewangan, Lo turut dikenali kerana pandangan kritikalnya terhadap franc CFA, isu yang sering diketengahkan parti pemerintah PASTEF (Patriots Afrika Senegal untuk Kerja, Etika dan Persaudaraan) dalam gesaan ke arah kedaulatan ekonomi dan monetari yang lebih besar.

Pelantikan beliau dibuat ketika Senegal berdepan cabaran ekonomi dan politik yang besar.

Perdana Menteri baharu itu akan bertanggungjawab menerajui dasar kerajaan ketika Senegal berusaha memulihkan pertumbuhan ekonomi, meyakinkan sektor swasta dan meneruskan pelaksanaan reformasi di bawah Wawasan Senegal 2050.

Jawatan Perdana Menteri sebelum ini disandang Ousmane Sonko, tokoh utama PASTEF dan sekutu politik utama presiden, namun beliau dipecat kerana bersuara mengenai penstrukturan semula hutang.

Hutang awam negara itu mencecah paras bersamaan 132 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasarnya (KDNK), menurut IMF. - ©BERNAMA

# Kes Ebola di DR Congo melebihi 100 susulan peningkatan jangkitan

**KIGALI (Rwanda)**, 25 Mei. - Republik Demokratik Congo merekodkan lebih 100 kes disahkan penyakit virus Ebola ketika jangkitan terus meningkat, lapor Anadolu Ajansi memetik laporan pihak berkuasa tempatan pada Ahad.

Laporan dikeluarkan Kementerian Komunikasi menunjukkan setakat 23 Mei, virus itu menjejaskan 11 zon kesihatan di Congo sejak wabak dikesan pada 15 Mei di wilayah Ituri, dengan lebih 900 kes disyaki direkodkan. Wabak Ebola masih aktif di tiga wilayah iaitu Ituri, North Kivu dan South Kivu.

"Pihak berkuasa kesihatan terus menjalankan pemantauan, saringan dan aktiviti kesedaran di kawasan terjejas. Mengambil langkah berjaga-jaga dan pematuhan terhadap langkah pencegahan kekal penting," menurut kementerian itu.

Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), sekurang-kurangnya tujuh kematian disahkan di Congo. Di Uganda, tiga kes baharu diumumkan pada Sabtu, menjadikan jumlah keseluruhan kes disahkan kepada lima, menurut Kementerian Kesihatan negara itu.

Pihak berkuasa Congo menggantung aktiviti sosial di Ituri, pusat penularan wabak itu termasuk kegiatan sukan, bagi mencegah penyebaran Ebola. Menurut Pusat Kawalan dan Pencegahan Penyakit Afrika (Africa CDC), 10 negara termasuk Rwanda, Kenya, Tanzania, Angola, Burundi, Republik Afrika Tengah, Republik Congo, Ethiopia, Sudan Selatan dan Zambia berdepan risiko penularan wabak Ebola.

WHO menaikkan tahap amaran kepada "sangat tinggi", manakala beberapa negara jiran Congo memperketat langkah pencegahan bagi menghalang penularan virus itu, termasuk mengehadkan perjalanan dari Congo. - ©BERNAMA

# Aceh bakal main peranan lebih besar dalam pengurusan minyak dan gas luar pesisir

**JAKARTA,** 25 Mei. - Aceh bakal memainkan peranan lebih besar dalam pengurusan sumber minyak dan gas luar pesisir melebihi 12 batu nautika dari pesisir pantainya susulan kerjasama antara Badan Pengelola Minyak dan Gas Aceh (BPMA) serta pengawal selia huluan minyak dan gas Republik Indonesia, SKK Migas.

Ketua BPMA Nasri berkata perjanjian itu menandakan langkah penting dalam memperluas peranan Aceh dalam pengurusan sumber minyak dan gas luar pesisir yang sebelum ini dikendalikan sepenuhnya oleh kerajaan pusat.

"Aceh bukan lagi sekadar pemerhati dalam penggunaan sumber minyak dan gas di perairan melebihi 12 batu nautika.

"Kami optimis bahawa penglibatan BPMA akan membantu memastikan kepentingan wilayah diambil kira sambil menyokong sasaran pengeluaran nasional," katanya dalam kenyataan yang dimuat naik di akaun Instagram rasmi BPMA.

Kerjasama itu dimeterai menerusi Memorandum Persefahaman (MoU) yang ditandatangani BPMA dan SKK Migas sempena Konvensyen dan Pameran Persatuan Petroleum Indonesia (IPA) yang berlangsung dari 20 hingga 22 Mei.

Di bawah perjanjian itu, BPMA dan SKK Migas akan bersama-sama mengurus kawasan kerja minyak dan gas luar pesisir yang terletak antara 12 hingga 200 batu nautika dari pesisir Aceh.

Nasri berkata BPMA akan memikul empat peranan strategik termasuk menyelaras dengan pihak berkepentingan berkaitan aktiviti huluan minyak dan gas yang dijalankan kontraktor kontrak kerjasama (KKKS), menyertai usaha komunikasi awam serta memudah cara proses pengeluaran permit di kawasan kerja luar pesisir berkenaan.

BPMA juga berhak menerima salinan Pelan Pembangunan (PoD) yang diluluskan bagi kawasan kerja yang diurus KKKS todi zon luar pesisir melebihi 12 batu nautika.

Beliau berkata kerjasama itu dijangka meningkatkan pemantauan dan penyelarasan aktiviti huluan minyak dan gas di kawasan maritim luar Aceh selain menyumbang kepada peningkatan dana perkongsian hasil minyak dan gas untuk wilayah itu selaras dengan peraturan sedia ada.

"Kami berharap kerjasama ini akan membawa manfaat kepada pentadbiran Aceh dan kepentingan nasional," katanya. - ©BERNAMA

# Gunung Semeru di Republik Indonesia meletus 5 kali, hambur abu setinggi 1,000 meter

**JAKARTA**, 26 Mei. - Gunung Semeru di Republik Indonesia meletus lima kali pada pagi Selasa, menghamburkan abu gunung berapi sehingga 1,000 meter dari puncak.

Pegawai Pos Pemerhatian Gunung Semeru, Sigit Rian Alfian berkata letusan berlaku antara 1.05 pagi hingga 8.37 pagi waktu tempatan, dengan letusan terbesar direkodkan pada 6.28 pagi.

Sigit berkata letusan terbesar itu menghamburkan abu sehingga kira-kira 1,000 meter dari puncak, dengan kepulan abu bergerak ke arah barat daya dan barat.

"Letusan itu direkodkan pada seismograf dengan amplitud antara 12 milimeter hingga 22 milimeter dan tempoh antara 109 hingga 142 saat," katanya menurut agensi berita Antara pada Selasa.

Semeru, yang terletak di sempadan daerah Lumajang dan Malang di Jawa Timur merupakan gunung berapi tertinggi di Pulau Jawa, dengan ketinggian 3,676 meter dari paras laut.

Sigit berkata aktiviti gunung berapi Semeru kekal pada Tahap III, iaitu tahap kedua tertinggi dalam sistem amaran gunung berapi empat peringkat Republik Indonesia. - ©BERNAMA

# Republik Rakyat China lancar kapal angkasa Shenzhou-23

**JIUQUAN**, 25 Mei. - Republik Rakyat China melancarkan kapal angkasa Shenzhou-23 pada Ahad bagi membawa tiga angkasawan ke stesen angkasa Tiangong yang mengorbit bumi, lapor Xinhua. Kapal angkasa itu, yang dibawa roket pembawa Long March-2F, berlepas dari Pusat Pelancaran Satelit Jiuquan di barat laut Republik Rakyat China.

Krew Shenzhou-23 terdiri daripada komander misi Zhu Yangzhu bersama angkasawan Zhang Zhiyuan dan Li Jiaying. Ketiga-tiga angkasawan itu masing-masing bertugas sebagai jurutera penerbangan, juruterbang kapal angkasa dan pakar muatan.

Zhu sebelum ini menyertai misi angkasa Shenzhou-16. Zhang dan Li masing-masing berasal daripada kumpulan ketiga dan keempat angkasawan negara itu, dan ini merupakan misi penerbangan angkasa pertama mereka.

Sebelum dipilih sebagai angkasawan, Zhang merupakan juruterbang tentera udara manakala Li pernah berkhidmat dalam Pasukan Polis Hong Kong. Li mencipta sejarah sebagai angkasawan pertama dari Hong Kong yang ke angkasa lepas. Beliau juga menjadi angkasawan wanita keempat Republik Rakyat China yang menyertai misi angkasa, selepas Liu Yang, Wang Yaping dan Wang Haoze. - ©BERNAMA

# Rakyat Malaysia maut ditimpa serpihan runtuhan bangunan di Republik Filipina

**KUALA LUMPUR**, 25 Mei. - Seorang rakyat Malaysia yang meninggal dunia dalam kejadian runtuhan bangunan di bandar Angeles, Republik Filipina pada Ahad, dilaporkan maut akibat ditimpa serpihan runtuhan, menurut Biro Perlindungan Kebakaran tempatan, lapor Xinhua.

Mangsa yang menginap di sebuah hotel pangsapuri berhampiran bangunan itu adalah antara empat individu yang disahkan maut dalam kejadian berkenaan.

Tiga lagi mangsa ditemukan di bawah runtuhan.

Menurut pihak berkuasa, operasi mencari dan menyelamat masih diteruskan bagi mengesan 17 individu yang dilaporkan hilang.

Setakat petang Ahad, sekurang-kurangnya 26 individu berjaya diselamatkan, dengan 24 daripadanya dari bangunan yang runtuh dan dua lagi dari hotel pangsapuri itu, lapor Xinhua memetik media tempatan.

Agensi Berita Filipina (PNA) melaporkan Polis Kebangsaan Filipina (PNP) telah mengaktifkan dan mengerahkan anggota mencari dan menyelamat serta pasukan tindak balas kecemasan bagi membantu operasi yang sedang dijalankan.

Ketua PNP Jen. Jose Melencio Nartatez Jr. dalam satu kenyataan pada Isnin berkata pasukan polis juga akan membantu siasatan bagi menentukan punca runtuhan bangunan sembilan tingkat yang masih dalam pembinaan di wilayah Pampanga itu.

Kementerian Luar Malaysia pada malam Ahad mengesahkan dua rakyat Malaysia terjejas dalam kejadian itu, dengan seorang disahkan selamat. - ©BERNAMA

PELITA BRUNEI
# SUKAN

ePaper Pelita Brunei

## SASHHB RANGKUL JUARA BDSFC, TAHUN 2026







**TIMBALAN Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat majlis bagi menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang (kiri sekali) pada Kejohanan Piala Bola Sepak Sekolah-sekolah Brunei Darussalam (BDSFC) yang telah berlangsung di padang Kompleks Sukan Berakas (kiri).**

**Oleh : Haniza Abdul Latif**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 25 Mei. – Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SASHHB) berjaya mengekalkan kejuaraannya sekali lagi tahun ini pada Kejohanan Piala Bola Sepak Sekolah-sekolah Brunei Darussalam (BDSFC) pada perlawanan yang berlangsung di padang Kompleks Sukan Berakas, di sini.

SASHHB berjaya menewaskan Sekolah Menengah Sayyidina Ali (SMSA) melalui jaringan penalti 4 - 2 setelah kedua-dua buah pasukan terikat 1 - 1.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis bagi menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang, Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Awang Aliuddin bin Haji Abdul Rahman.

BDSFC Tahun 2026 bagi sekolah-sekolah menengah, maktab dan pusat tingkatan enam kerajaan dan swasta di bawah Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama, dianjurkan oleh Bahagian Jasmani dan Rekreasi, Jabatan Pendidikan Kokurikulum dengan Persatuan Pengadil Bola Sepak Brunei Darussalam.

Sebanyak 24 buah pasukan menyertai BDSFC Tahun 2026, yang antara lain bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada pelajar dalam sukan bola sepak di peringkat sekolah dan negara, di samping mencungkil serta mengembangkan bakat dan potensi pelajar dalam sukan bola sepak.

Kejohanan berkenaan juga bertujuan untuk menyokong Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) ke arah kehidupan yang sihat dan sejahtera untuk semua, serta menerapkan nilai-nilai murni seperti disiplin, daya tahan, kepimpinan, semangat berpasukan dan budaya hidup sihat serta cergas melalui sukan bola sepak.

## PMKK Daerah Temburong ungguli Kejohanan Liga Bola Sepak



**PASUKAN Penghulu Mukim dan Ketua Kampung (PMKK) Daerah Temburong berjaya menewaskan pasukan PMKK Daerah Belait 4 - 2, sekali gus mengukuhkan kedudukan teratas liga pada Kejohanan Liga Bola Sepak PMKK 2025-2026.**

**Siaran Akhbar dan Foto : Urus Setia Kejohanan Liga Bola Sepak Penghulu Mukim dan Ketua Kampung 2025-2026**

**TEMBURONG**, Selasa, 26 Mei. - Pasukan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung (PMKK) Daerah Temburong mengukuhkan kedudukan teratas liga pada Kejohanan Liga Bola Sepak PMKK 2025-2026 selepas mempamerkan aksi cemerlang dengan menewaskan pasukan PMKK Daerah Belait dengan jaringan 4 - 2 pada perlawanan di Kompleks Sukan Temburong.

Sekalipun gagal menyekat kemaraan pasukan PMKK Daerah Temburong, pasukan PMKK Daerah Belait lega berada di tangga kedua dengan enam mata hasil daripada dua kemenangan dan dua kekalahan.

Awang Mohd. Afnan Haji Gapor membuka tirai jaringan buat pasukan PMKK Daerah Temburong pada minit ke-10 dan Awang Amirul Awang Haji Bakar menambah jaringan pada minit ke-14.

Pasukan PMKK Daerah Temburong terus menambah jaringan menerusi Awang Amirul Afiq Haji Bakar pada minit ke-20, namun jaringan sendiri oleh Awang Khairul Jumaat pada minit ke-22 memberi gol percuma kepada pasukan lawan.

Namun, Awang Mohd. Afnan Haji Gapor kembali mempamerkan potensi menerusi sentuhan pada minit ke-23, sekalipun pasukan PMKK Daerah Belait berjaya menambah jaringan menerusi Awang Md. Fadzil Md. Yanie pada minit ke-25.

Keputusan penuh menyaksikan pasukan PMKK Daerah Temburong berjaya mengekalkan kemenangan 4 - 2.

Carta Kejohanan Liga Bola Sepak PMKK 2025-2026 menyaksikan pasukan PMKK Brunei-Muara berada di tangga ketiga dengan empat mata, manakala pasukan PMKK Daerah Tutong terpaksa akur di tangga tercorot liga selepas hanya memperoleh satu mata.